

PARLIMEN KESEMBILAN  
*Ninth Parliament*  
PENGKAL KETIGA  
*Third Session*  
MESYUARAT KETIGA  
*Third Meeting*

---

Jilid III

Bil. 33

Hari Isnin

15 Disember 1997

---

K A N D U N G A N

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:

**Kebenaran Bercuti**

**(Ruangan )**

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

**(Ruangan )**

RANG UNDANG-UNDANG:

**Rang Undang-undang Perbekalan 1998**

**(Ruangan )**

PARLIMEN KESEMBILAN

**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN NEGARA  
Mesyuarat Kedua  
Penggal Yang Ketiga  
AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, P.S.M., P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A. (Dilantik)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Chong Kah Kiat, P.G.D.K., J.S.M., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba, P.B.M., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)
- “ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M. (Kedah)
- “ Datuk Michael Bong Thiam Joo, P.J.N., A.B.S., J.B.S. (Dilantik)
- “ Tuan Charern Intachat, A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)
- “ Tuan Chin Kon Tow @ Chin Kong Too, A.M.N., B.K.T., J.P. (Melaka)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Tuan Ding Seling (Dilantik)
- “ Dato' Eng Hoi Choo, A.M.S., P.P.T. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Dato' Ghazi @ Hasbullah bin Haji Ramli, D.I.M.P. (Selangor)
- “ Puan Hajah Habshah binti Haji Osman, P.P.T., P.J.K. (Dilantik - Wilayah Persekutuan)
- “ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed. Zain (Dilantik)
- “ Tuan Hanipah bin Ahmad, P.J.K. (Perlis)
- “ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafin, D.M.S.M. (Dilantik)

Yang Berhormat Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor (Kelantan)

- “ Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)

- “ Tuan Ibrahim bin Daud, J.S.M., K.M.N., P.L.P., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Johor)
- “ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye, A.S.M., S.M.T., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)
- “ Tuan Jinuin bin Jimin (Sabah)
- “ Datuk Johan O.T. Ghani @ Christopher, P.G.D.K., K.M.N. (Dilantik)
- “ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)
- “ Tuan Kan Kok Kwan, D.N.S., K.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Puan Hajah Khadijah binti Haji Awang (Terengganu)
- “ Datuk Khoo Keok Hai (Dilantik)
- “ Dato’ P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)
- “ Tuan Long bin Jidin (Dilantik)
- “ Tuan Low Kai Meng, P.J.K., J.P. (Perak)
- “ Datuk Maidum P. Pansai @ Paul Pansai (Dilantik)
- “ Tuan N. Marimuthu a/l Nadeson, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)
- “ Dato’ Michael Chen Wing Sum (Dilantik)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, D.S.A.P. (Dilantik)
- “ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi, A.M.P., P.P.N., P.J.K. (Perak)
- “ Tuan M.G. Pandithan @ Nyana Pandithan @ Ganapandythan a/l Muthandi (Dilantik)

Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah binti Baheran, P.J.K. (Dilantik)

- “ Datuk Rahim bin Baba, D.M.S.M, A.M.P. (Dilantik)

- “ Puan Hajah Ramlah binti Kassim (Pahang)
- “ Tuan Rosli bin Mat Hasan (Dilantik)
- “ Dato’ Saad bin Haji Man, D.S.D.K. (Dilantik)
- “ Tuan Haji Sairin bin Karno (Sabah)
- “ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)
- “ Puan Sri Sarasa Pasamanickam, A.M.N., P.I.S. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Selemiah binti Hashim, P.P.N., A.M.N., P.K.T. (Dilantik)
- “ Puan Tan Ah Eng (Johor)
- “ Tuan Tan Son Lee, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Kedah)
- “ Tuan Tan Swee Hueng (Dilantik)
- “ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Tuan Tee Thiong Hock, S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Selangor)
- “ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ Tan Sri Dato’ G. Vadiveloo a/l Govindasamy, P.S.M., D.P.M.S., S.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin, P.J.K., A.M.S. (Dilantik)
- “ Dr. Yeow Seng Huat (Pahang)
- “ Tuan Yim Chee Chong @ Yim Kok Kheong (Negeri Sembilan)
- “ Dato’ Zainol Abidin bin Johari, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)
- “ Puan Hajah Zaleha binti Hussin, P.P.N., A.M.N. (Dilantik)

## **DEWAN NEGARA**

### **PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Negara:	Abdullah bin Abdul Wahab
Penolong Setiausaha Kanan:	Zamani bin Haji Sulaiman
Penolong Setiausaha:	Haji Mustakin bin Selamat
Penolong Setiausaha:	Nor Hayatee binti Abdullah

### **CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN**

Pegawai Penerbitan:	Azhari bin Hamzah Monarita binti Mohd. Hassan
Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.

### ***PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN***

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop  
Hajah Supiah binti Dewak  
Mohamed bin Osman  
Norishah binti Mohd. Thani  
Shamsina binti Janor

### **BENTARA MESYUARAT**

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib  
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali  
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

**MALAYSIA**

**DEWAN NEGARA**

**Isnin, 15 Disember 1997**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**D O A**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA**

**KEBENARAN BERCUTI**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri Mesyuarat di bawah Perkara 52(2) Perlembagaan Persekutuan kepada Ahli Yang Berhormat Tuan Parasuraman dari 11 Disember hingga 18 Disember 1997.

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI  
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop.

**Puan Kamilia binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin soalan Nombor 1.

**UNDANG-UNDANG ISLAM - PENYELARASAN**

1. **Puan Kamilia binti Ibrahim [di bawah S.O. 23(2)]** minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah kemajuan yang telah dicapai:

- (a) untuk menyelaraskan undang-undang Islam di negara ini; dan

- (b) penubuhan Mahkamah Syariah Persekutuan.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Haji Abdul Hamid**

**bin Haji Othman]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama Jabatan Peguam Negara telah menggubal enam rang undang-undang untuk dijadikan model Rang Undang-undang Islam di seluruh negara.

Enam rang undang-undang tersebut ialah:-

- (i) Rang Undang-undang Jenayah Syariah;
  - (ii) Rang Undang-undang Keterangan;
  - (iii) Rang undang-undang Tatacara Jenayah Syariah;
  - (iv) Rang Undang-undang Tatacara Mal;
  - (v) Rang Undang-undang Keluarga Islam; dan
  - (vi) Rang Undang-undang Pentadbiran Agama Islam.
- (b) Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan Mahkamah Syariah Persekutuan kerana bidang pengendalian yang berkaitan dengan hal ehwal Islam merupakan perkara di bawah bidang kuasa kerajaan negeri, sebagaimana yang telah diperuntukkan dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terima kasih di atas penjelasan, walau macam manapun saya ingin mendapat sedikit penjelasan, apakah kehendak ataupun keperluan khusus supaya semua rang undang-undang Yang Berhormat maklumkan tadi dapat kita laksanakan ke seluruh negeri yang ada dalam Malaysia?

**Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman:** Tuan Yang di-Pertua, peraturan yang sedia ada dan dipersetujui ialah pihak Persekutuan mengadakan rang undang-undang dan dijalankan di Wilayah Persekutuan melalui Akta Parlimen kemudian rang undang-undang itu digunakan oleh negeri-negeri dengan mewujudkan enakmen hukum syarak di negeri masing-masing.

Perlunya rang undang-undang ini sama dan diselaraskan ialah supaya dari segi perundangannya, perjalanan hukum syarak negeri ini sama dari segi peraturan dan hukum-hukum terutama sekali setakat ini Kerajaan Persekutuan telah bersetuju mewujudkan jawatan gunasama bagi semua hakim-hakim syarak. Apabila mana-mana negeri bersetuju menerima skim ini maka semua hakim akan dilantik oleh Persekutuan dan dihantar untuk berkhidmat di negeri-negeri. Maka apabila rang undang-undang itu sama maka tidak ada lagilah rungutan orang ramai mengenai hal-hal pengendalian rang undang-undang keluarga Islam kerana pada masa ini kehidupan rakyat kita tidak terhad kepada sempadan geografi negeri masing-masing.

**Puan Kamalia binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa salah satu rang undang-undang yang disebut tadi yang hendak diselaraskan



ialah Rang Undang-undang Keluarga Islam dan kita tahu juga Rang Undang-undang Keluarga Islam ini setiap negeri ada mempunyai enakmen mereka masing-masing. Soalan saya ialah sejauh manakah Rang Undang-undang Keluarga Islam ini telah dikemukakan kepada pihak negeri untuk diterima pakai dan sebanyak manakah perbezaan yang telah diselaraskan di antara Rang Undang-undang Keluarga di negeri-negeri?

**Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman:** Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Keluarga Islam di seluruh negeri dalam Malaysia adalah standard dan sudah diselaraskan. Cuma yang tidak selaras sekarang ini ialah pelaksanaan dan prosedur mahkamah. Inilah perkara yang didapati sekarang ini percanggahan dan perbezaan antara negeri-negeri.

Yang kedua, oleh kerana belum ada persefahaman yang penuh antara negeri-negeri dengan Persekutuan, maka jurisdiction satu-satu mahkamah itu tidak melangkaui sempadan negeri itu. Maka inilah yang menjadi kesukaran pentadbiran hari ini, apabila kes yang dibicarakan di Kuala Lumpur misalnya kemudian salah seorang yang bicara itu lari ataupun pergi tinggal di negeri lain, maka tidak ada bidang kuasa Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan untuk mengekori orang yang berkenaan. Inilah perkara yang bercanggah, tetapi dari segi undang-undang semuanya menggunakan satu rang undang-undang yang digunapakai oleh semua negeri.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu mengucap tahniah kepada pihak kerajaan terutama sekali

kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri kerana telah dapat menyelaraskan banyak hal dalam urusan bersangkutan dengan agama.

Dalam masa yang sama, saya ingin mendapat penjelasan yang lebih lanjut berkenaan dengan penyelarasan dari segi kefahaman dan amalan tentang fahaman di Malaysia ini. Kita tahu bahawa fahaman Syiah dan fahaman-fahaman lain yang banyak memesongkan akidah telah menyebabkan umat Islam di Malaysia ini terlalu keliru.

Oleh sebab yang demikian, apakah langkah-langkah pihak Kerajaan Pusat dalam menetapkan supaya seluruh kefahaman dan amalan di Malaysia ini berpegang kepada amalan Al-Sunnah wal jamaah?

Yang keduanya, kita dapati dalam akhbar baru-baru ini di Pulau Pinang, saya sendiri terperanjat bagaimana boleh berlaku perkahwinan sumbang muhrim di antara abang dengan adik sampai melahirkan tujuh orang anak? Saya terperanjat ini kerana sudah tentu mereka yang hidup berkeluarga di Pulau Pinang ini walaupun berpindah randah daripada satu tempat ke satu tempat, sudah tentu boleh dikesan oleh Kadi ataupun Imam di tempat itu, tetapi sehingga anaknya hendak berkahwin baru perkara itu dapat timbul. Adakah ini tidak dilihat sebagai satu kelemahan dari segi pentadbiran Islam di tempat itu dan di seluruh negara. Apa pandangan kerajaan terhadap perkara ini?

**Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat.

Perkara yang pertama ialah mengenai mazhab selain daripada mazhab Ahlil Sunnah. Mengikut enakmen hukum syarak dan Perlembagaan setiap

negeri di Malaysia yakni semua negeri bahawa mazhab yang boleh dipakai hanya mazhab Ahlil Sunnah wal jamaah. Tetapi walau bagaimanapun, pelaksanaan di peringkat negeri untuk mengintip, mengawal, menjaga dan melaksanakan undang-undang yang sedia ada ini kurang berjaya dan kurang efektif terutama sekali di negeri-negeri ada undang-undang mengatakan siapa yang hendak mengajar agama, selain dari keluarganya mesti ada tauliah. Undang-undang ini cukup baik tetapi pelaksanaannya tidak begitu efektif. Maka sebab itu ada pengajaran dan kefahaman yang lain wujud.

Walau bagaimanapun, kita sudah sedar perkara ini, penyatuan dan penyelarasan di peringkat Persekutuan sedang berjalan dari segi kepegawaian dan struktur organisasi jabatan-jabatan agama. Apabila semua jabatan agama atau kerajaan negeri menerimapakai struktur jabatan bersama yakni semua kakitangan adalah daripada induk, daripada pool, daripada kumpulan yang sama, maka pelaksanaan mengawal undang-undang yang sedia ada ini akan boleh berjalan dengan baik.

Begitulah seterusnya mengenai mazhab Syiah yang disebut selain dari mazhab Ahlil Sunnah, mulanya pengendalian kita ialah di peringkat agama yakni hendak menyelesaikan di peringkat jabatan agama tetapi pada akhir-akhir ini keadaan ini sudah merebak dan sudah dianggap sebagai satu isu keselamatan, maka sebab itu perkara ini dikendalikan oleh agensi-agensi keselamatan termasuk polis.

Perkara yang kedua ialah tentang perkahwinan sumbang muhrim. Ini juga soal pelaksanaan terutama sekali masyarakat hari ini masyarakat yang

terbuka, apa yang berlaku dalam kehidupan masyarakat tidak diambil tahu oleh mana-mana pihak. Maka itulah kesilapan-kesilapan ini berlaku dan mungkin kelemahan ini adalah daripada peringkat pentadbiran dan juga di peringkat anggota masyarakat untuk memberi laporan perkara yang kurang manis berlaku dalam masyarakat, mungkin mereka tahu tetapi tidak disampaikan kepada pihak yang berkuasa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Hajah Habshah binti Haji Osman.

**Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan Nombor 2.

#### **BERNAS - PERANAN DALAM PERKEMBANGAN INDUSTRI BERAS**

2. **Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad [di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Pertanian menyatakan apakah syor dan nasihat BERNAS (iaitu badan yang dipertanggungjawabkan) kepada kerajaan bagi menggandakan perkembangan industri beras di Malaysia.

**Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]:** Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan kewujudan BERNAS, ia masih meneruskan tanggungjawab kepada petani-petani dalam memastikan harga padi dibeli tidak kurang daripada Harga Minimum Terjamin dan sebagai pembeli terakhir. Berkaitan golongan sasaran ini juga, BERNAS bertanggungjawab menguruskan pembayaran Subsidi Harga Padi. Sebagai peneraju Industri Padi dan Beras, BERNAS perlu mengimbangi kepentingan petani dan pengguna dalam usahanya menstabilkan kedudukan pasaran padi dan beras memandangkan komoditi ini juga tertakluk kepada kuasa pasaran.

Bagi memastikan matlamat di atas tercapai, BERNAS mengambil pendekatan melibatkan diri secara aktif di semua peringkat pemasaran padi dan beras. Ini termasuk aktiviti pembelian padi, pemerosesan padi, pengedaran beras di peringkat punca utama, borong dan runcit.

Dengan BERNAS meningkatkan penglibatannya di semua peringkat pemasaran, kawalan pasaran akan menjadi lebih berkesan terutama sekali dari segi bekalan yang mencukupi, kualiti yang berpatutan dan terjamin dan harga yang berpatutan. Tindakan-tindakan ini akan menjadikan pengedaran beras menjadi lebih efisien, tanpa pengedaran beras melalui banyak lapisan dalam sistem pengedaran yang akhirnya mengakibatkan peningkatan harga kepada pengguna. Dengan tindakan-tindakan sebagai penstabil harga di pasaran dan sebagai penunjuk kualiti beras, BERNAS akan memajukan industri padi dan beras di negara ini secara lebih teratur.

Dalam konteks mempertingkatkan hasil pengeluaran padi dan secara langsung meningkatkan pendapatan petani, BERNAS telah menghasil dan membekalkan benih padi yang bermutu tinggi. Berkaitan dengan itu juga BERNAS telah menyediakan Baja Kompos pada harga yang berpatutan dan menyediakan khidmat pengangkutan dan jentera membajak dan menuai pada kadar bayaran yang lebih rendah daripada harga pasaran. Tindakan-tindakan ini meningkatkan lagi hasil dan pendapatan petani di samping mengawal tekanan kenaikan kos pengeluaran padi.

Dari segi usaha meningkatkan pengeluaran padi secara keseluruhan, BERNAS mempelopori penggunaan kaedah penanaman padi yang moden dalam konteks penanaman secara perladangan (large scale farming).

Diharap apabila BERNAS berjaya dalam usahanya terlibat secara bermakna di peringkat bekalan dan pemerosesan padi secara pemasaran beras di peringkat borong dan runcit, syarikat ini dapat memainkan peranannya yang lebih berkesan dalam pembahagian hasil yang lebih saksama dari industri padi dan beras negara.

**Dato' Saad bin Haji Man:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin bertanya apakah rancangan kementerian dan langkah-langkah yang diambil oleh pihak kementerian untuk mengatasi keresahan dan rungutan daripada petani-petani khususnya penanam padi yang menuntut dinaikkan harga padi selaras dengan kenaikan kos pengeluaran padi sekarang dan apakah benar ada tuduhan yang mengatakan Unit Kawalselia Kementerian Pertanian menghalang kilang-kilang atau pusat-pusat belian persendirian ini dilantik oleh BERNAS daripada membuat potongan padi tidak kurang dari 12 kilogram bagi sama ada padi itu padi basah atau padi kering.

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Pada masa ini memang kementerian saya telah pun menyediakan kertas Kabinet untuk diangkat dan telah pun diangkat kepada Kabinet supaya dapat menimbang harga padi

sebagaimana yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat. Jadi, kita sama-sama doakan semoga kita akan dapat jawapan mungkin tidak lama lagi.

Soal yang kedua, Unit Kawalselia Padi dan Beras Negara, memang baru-baru ini pada bulan November telah mengeluarkan arahan potongan padi basah sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat, tetapi oleh kerana rayuan telah dibuat oleh pesawah-pesawah dan pengilang-pengilang, maka Yang Berhormat Menteri Pertanian telah bersetuju bahawa potongan minimum padi basah bermula dari 14 kilogram bagi setiap 100 kilogram. Ini berjalan serta-merta mulai semalam. Jadi, saya rasa tidak timbul lagilah sungutan-sungutan berkenaan dengan potongan padi basah dan lain-lain keperluan.

Walau bagaimanapun, kementerian saya sentiasa menerima apa-apa pandangan, sungutan dan insya-Allah, kita akan cuba mengatasi bagi meringankan beban kepada petani-petani padi yang penting bagi negara kita.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita diberitahu bahawasannya pihak kerajaan tidak akan mengamalkan self-sufficiency, dengan izin, mencukupilah dari segi keperluan rakyat dari segi beras ini. Jadi, saya hendak tahu memandangkan keadaan ekonomi kita dan ekonomi serantau diporak-purandakan oleh nilai mata wang yang menjunam dan sebagainya, bagaimanakah harga padi dalam jangka masa tahun hadapan ini memandangkan kita telah pun mengimport beras dari negara-negara jiran dan mungkin ini menggunakan mata wang Dolar dan berapakah jumlah stockpile kalau ada, stockpile maknanya jumlah simpanan beras di

negara kita ini, berapa bulan sepatutnya kita adakan dan apakah tahap penyimpanan beras di negara kita setakat ini dan siapakah yang menyimpannya, adakah BERNAS bertanggungjawab atau kementerian, ataupun kerajaan yang bertanggungjawab?

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Sebagaimana yang telah Ahli Yang Berhormat katakan tadi, kadar sara diri kita ialah 65% sahaja. Walau bagaimanapun, sehingga kini negara telah dapat mengeluarkan sebanyak 72% padi di negara kita. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, ini ialah kadar minimum kita, jadi kalau kita dapat mengeluarkan seberapa tinggi yang boleh, itu lebih baik. Sebab itu, kementerian akan memberi perhatian kepada 18 buah jelapang padi di seluruh negara seluas 211,000 hektar supaya dapat ditingkatkan lagi pengeluaran pada masa yang akan datang.

Tentang harga beras, sehingga ini tidak ada rancangan untuk menaikkan lagi harga beras terutama sekali beras import kerana ini telah diberi jaminan oleh pihak BERNAS kerana kita import sekadar 28% hingga 30% sahaja sehingga ini. Tetapi walau bagaimanapun, untuk masa yang akan datang jaminan ini mungkin tidak dapat diberi, ini berdasarkan kepada pertukaran wang asing.

Tentang stockpile ini, saya difahamkan ialah di antara dua hingga tiga bulan dan disimpan oleh BERNAS. BERNAS mempunyai gudang-gudang simpanan beras di seluruh negara dan kita rasa mencukupi, insya-Allah, kita akan dapat menampung keperluan yang ada.



**Datuk Haji Sairin bin Karno:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapa peratuskah import beras yang dikendalikan oleh BERNAS dan apakah kementerian berhasrat untuk mewujudkan atau memberikan transshipment permit kepada syarikat selain dari BERNAS?

**Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Sebagaimana yang saya katakan importnya sekitar 28% hingga 30% sahaja iaitu kira-kira 400,000 tan matrik pada tahun lepas ini dan sehingga ini 100% import permit hanya diberi kepada BERNAS dan kementerian tidak berhajat untuk membuka peluang kepada pihak-pihak yang lain kerana BERNAS diberi tanggungjawab menjalankan kewajipan Lembaga Padi dan Beras Negara yang sebelum BERNAS diwujudkan dahulu di mana tanggungjawab sosial itu mesti dijalankan oleh BERNAS. Jadi, kalau kita beri kepada satu, dua company mungkin soal-soal tanggungjawab sosial tidak akan dapat kita selaraskan.

#### **KEBULURAN DI PAPUA NEW GUINEA - BANTUAN MALAYSIA**

3. **Dato' P. Krishnan** minta Menteri Luar Negeri menyatakan memandangkan negara Papua New Guinea kini sedang menghadapi masalah kebuluran terutamanya kanak-kanak, adakah cadangan untuk menghantar makanan bagi menyelamatkan kanak-kanak di sana.

#### **Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Dr. Leo Michael Toyad]:**

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah bersetuju untuk memberi bantuan kewangan sebanyak AS\$20,000 kepada

Kerajaan Papua New Guinea sebagai tanda simpati ke atas malapetaka yang melanda negara berkenaan.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan ini ada kaitan dengan bantuan Malaysia kepada negara-negara luar. Kita mendapat faham Malaysia juga ada bercadang untuk memberi sumbangan untuk mengatasi masalah kurangnya zat makanan kepada kanak-kanak di Korea Utara, sudahkah perkara ini dilaksanakan, jika sudah berapakah jumlah sumbangan Malaysia kepada Korea Utara?

**Dato' Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, kita pun telah bercadang untuk memberi sumbangan tetapi angka-angka tepat saya tidak ada di sini, walau bagaimanapun, rakyat Malaysia telah bersama dengan badan-badan bukan kerajaan memungut derma untuk malapetaka di Korea Utara dan ini telah pun disampaikan kepada kerajaan.

#### **“PERKAMPUNGAN FILEM” - RANCANGAN PENUBUHAN**

**4. Tuan N. Marimuthu** minta Menteri Penerangan menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh kementerian beliau untuk menubuhkan sebuah industri perfileman seperti “Hollywood” di negara ini. Nyatakan juga sama ada peruntukan sebanyak RM50 juta yang dikhaskan oleh kerajaan telah digunakan sepenuhnya untuk pembangunan industri filem di negara ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Penerangan melalui Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia memang ada perancangan untuk menubuhkan sebuah “Perkampungan Filem”. Kerja-kerja awal bagi penyediaan konsep dan pengenalan tapak telah dilakukan dengan

kerjasama beberapa kerajaan negeri. Begitu juga perbincangan dengan pihak industri telah dilakukan sesuai dengan dasar persyarikatan Malaysia dan penswastan. Sehingga kini beberapa cadangan dari pihak swasta telah diterima dan sedang dikaji.

Mengenai peruntukan RM50 juta yang dikhaskan Oleh kerajaan untuk industri perfileman telah disalurkan kepada Bank Pembangunan Malaysia untuk membiayai aktiviti-aktiviti perfileman secara pinjaman.

**Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu bagaimana pengawalan atau penapisan sesebuah filem luar untuk ditayangkan di negara kita dan berapa harga yang kita terpaksa bayar untuk sesebuah filem.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat iaitu mengenai dengan penapisan filem, kita ada beberapa peringkat di pihak kementerian, kita sendiri mempunyai satu badan di mana seperti kita nyatakan yang penting ialah dalaman tetapi sejauh pengetahuan saya, selain daripada Kementerian Dalam Negeri di mana mereka dipertanggungjawabkan oleh kerajaan untuk menapis filem-filem yang datang bukan hanya dari luar negara bahkan dalaman juga.

Di samping itu tahap yang kedua iaitu menerusi penapisan bila mana kita membeli bahan-bahan itu dari luar di peringkat awal kita telah tapis, lepas itu di peringkat kita juga menggalakkan supaya stesen-stesen penyiar badan-badan yang terlibat sendiri, contohnya macam TV3 dan juga Astro dan Metro Vision mempunyai badan sendiri di peringkat dalaman mereka untuk menapis

berdasarkan garis panduan yang telah diberikan oleh Lembaga Penapisan Negara di bawah Kementerian Dalam Negeri.

Itulah sebahagian dari cara-cara di mana kita mencuba untuk menapis agar bahan-bahan ini tidak bercanggah dengan dasar perjuangan negara kita. Memang saya mengakui bahawa perkara ini bukan mudah kerana kadang-kadang apatah lagi dalam keadaan modenisasi, telekomunikasi di mana Internet contohnya, di mana barang-barang ini pun kita boleh salurkan melalui video, tayangan drama dan sekarang ini pun menerima siaran TV melalui komputer sudah boleh diamalkan seperti di Amerika Syarikat dan tahap penapisan ini yang cukup membimbangkan kita. Tetapi seperti yang kita nyatakan yang penting bagi kita ialah dalaman, adakah rakyat di negara ini berupaya membantu kerajaan untuk menapis supaya unsur-unsur daya yang tidak baik dapat diatasi dan seperti yang kita nyatakan dapat membezakan mana yang baik dan mana yang tidak baik.

Kedua, mengenai dengan soalan Ahli Yang Berhormat, harga filem-filem yang kita import puratanya berbeza-beza, ada yang RM100,000, ada yang RM200,000 berbanding tertakluk dengan bahan, kadang-kadang ada yang sampai RM300,000 kita import nilainya, dia tidak ada standard price, dengan izin, bila mana kita memilih bahan-bahan ini untuk kita paparkan di kaca-kaca TV kita. Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Kasim bin Mh. Yusop:** Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa pihak-pihak berkenaan mengadakan penapisan filem-filem yang telah tersedia. Saya ingin tahu bagaimanakah penapisan dilakukan terhadap

perancangan yang terus-menerus kerana baru-baru ini saya pernah menonton tayangan terus-menerus yang dilakukan oleh pihak TV3, saya rasa banyak perkataan yang tidak begitu sopan dikeluarkan oleh pengacara dan boleh menghampiri perkataan lucu. Jadi, saya ingin tahu bagaimanakah pihak penyiaran dapat mengawal insiden ini supaya tidak berlaku.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat, di peringkat awal kita telah maklumkan dengan para DJ atau pengacara-pengacara majlis supaya dapat mematuhi garis panduan yang diberi, tatacara dari segi perkataan yang kita perlu gunakan bila kita menjadi pengacara dalam satu acara rasmi dan seharusnya pihak yang terlibat mematuhi perkara ini kerana kalau dalam bidang siaran langsung bukan mudah untuk kita hendak menapis, kalau siaran langsung contohnya macam satelit kita delay, Astro delay setengah jam atau satu jam, tetapi kalau peringkat siaran langsung dalaman di negara kita contohnya program yang dilaksanakan, yang dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri misalnya dan bukan mudah bagi kita untuk hendak menapis sekali gus tetapi dalam pada itu tapisan awal kita telah maklumkan seperti yang saya nyatakan pegawai-pegawai, pihak yang terlibat dalam industri penyiaran ini khususnya jadi pengacara-pengacara majlis mengikut peraturan-peraturan yang telah kita maklumkan.

Sekiranya terdapat perkara ini berbangkit maka kita merayu kepada Ahli Yang Berhormat untuk menyatakan kepada kita bila waktunya dan di mana acara tersebut dan kita boleh mengambil tindakan tatatertib kepada pihak yang

tersebut di mana yang membabitkan perkara mungkin perkataan yang tidak senonoh.

## **INSTITUSI PERBANKAN - PENGGABUNGAN**

**5. Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail** minta Menteri Kewangan menyatakan usaha-usaha yang dilaksanakan untuk menggabungkan institusi kewangan dan cadangan menubuhkan dana bersama dan Bank Baitulmal.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie**

**bin Mohd. Salleh]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan menggalakkan institusi perbankan untuk bergabung bagi memperkukuhkan modal supaya dapat bersaing secara efektif bagi cabaran-cabaran baru Sistem Kawalan Dua Kumpulan ke atas institusi perbankan dilaksanakan untuk menggalakkan institusi perbankan menambahkan saiz melalui peningkatan modal atau penggabungan. Institusi perbankan bertaraf Kumpulan 1 adalah dibenarkan untuk beroperasi di bawah persekitaran yang lebih liberal. Manakala institusi perbankan Kumpulan 2 adakah digalakkan untuk menambahkan modal mereka supaya dapat bersaing dengan lebih efektif lagi.
- (b) Jumlah institusi kewangan kini berjumlah 36 bank perdagangan termasuk Bank Islam Malaysia Berhad, 39 syarikat kewangan dan 12 bank saudagar memadai untuk

keperluan negara dan memberi perkhidmatan kepada setiap golongan masyarakat dan sektor korporat. Oleh itu, kerajaan tidak berhasrat menubuhkan bank baru termasuk Bank Baitulmal. Setakat ini, dana bersama (mutual funds) atau unit amanah (unit trust) adalah berjumlah 80 buah tabung dengan nilai RM41.3 bilion dan permohonan baru boleh dipertimbangkan.

**Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya apakah kedudukan terakhir Bank Bumiputra Malaysia Berhad, Bank Pertanian dan Bank Rakyat?

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai cadangan proses penswastan bagi Bank Bumiputra Malaysia Berhad adalah dalam peringkat terakhir tetapi penyenaian Bank Bumiputra Malaysia Berhad juga tertakluk kepada keputusan kerajaan baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini kerajaan telah memutuskan bahawa semua penyenaian syarikat-syarikat di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) ditangguhkan memandangkan masalah ekonomi yang melanda negara kita.

Mengenai Bank Pertanian pula, cadangan pengkorporatan telah dikemukakan kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, bagaimanapun cadangan ini juga ditangguhkan untuk sementara waktu.

Tuan Yang di-Pertua, dasar kerajaan untuk membenarkan kedua-dua sistem iaitu perbankan cara konvensional dan juga secara Islam telah pun dimulakan serentak di negara ini dan semoga dengan itu Jemaah Menteri pada

16 April 1997 telah mengambil maklum bahawa adalah tidak wajar untuk Bank Rakyat yang telah dikatakan ditukar keseluruhannya menjadi Bank Islam.

**Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada pandangan di kalangan penganalisis ekonomi yang mengatakan bahawa salah satu faktor yang menyumbang kepada keadaan ekonomi yang bergolak di bidang kewangan hari ini adalah ketidaktelusan bank-bank di Malaysia, apakah Kementerian berpandangan ini adalah analisis yang wajar dan kalau ya, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah ini.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang sedang berlaku sekarang ini ialah kita melihat kepada jurang, pertamanya, economic fundamentals ataupun asas-asas ekonomi. Kalau kita lihat asas-asas ekonomi, kita telah mengatakan dahulu bahawa kita telah membayar prepay iaitu membayar dahulu daripada schedule yang telah ada untuk hutang-hutang luar negara.

Keduanya, kita punya simpanan negara ialah sebanyak 39%, cuma pelaburan kita sebanyak 43%, kekangannya cuma sedikit sahaja.

Selain daripada itu, kita punya non-performing loans setakat bulan Oktober ini ialah cuma 4.3% sahaja dan kita banyak mengeksport dan kurang mengimport. Jadi, kalau kita melihat fundamentals ekonomi ini, bahawa fundamentals ekonomi kita sangat kukuh. Kalau kita pula satu lagi pasaran iaitu pasaran saham dan juga pasaran mata wang, ini yang telah menyebabkan



bahawa masalah yang kita hadapi sekarang ini ialah menjunamnya pasaran-pasaran ini.

Jadi, di antara keduanya itu jurangnya ialah cuma jurang persepsi sahaja, kita telah saban kali mengatakan bahawa pasaran kita adalah terbuka, telus dan kita akan berbuat demikian dari masa ke semasa.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita perhatikan apabila sesebuah negara menerima bantuan daripada dana kewangan antarabangsa seperti Indonesia, Thailand dan baru-baru ini Korea, tidak ada perubahan berlaku terhadap kedudukan ekonomi dan juga nilai mata wang negara-negara ini.

Jadi, saya hendak tahu dari pihak kerajaan, sebelum itu kita hendak ucapkan tahniah kerana tidak mengambil kira memohon atau meminta IMF untuk membantu kita, tetapi soalnya sekarang badan perdagangan antarabangsa (WTO) telah pun meluluskan satu peraturan di mana syarikat-syarikat di negara kita ini terpaksa menerima sekurang-kurangnya boleh menerima 51% daripada pemegang-pemegang saham luar negara.

Jadi, saya hendak tahu dari segi sistem perbankan di negara kita ini, adakah ianya tertakluk kepada peraturan baru ini di mana kita melihat pada satu masa nanti, Bank Bumiputra Malaysia Berhad 100% dipunyai oleh orang-orang luar dan bank-bank lain kalau disenaraikan nanti. Jadi, adakah pihak kerajaan bersetuju, nampaknya telah bersetuju kepada cara-cara ini di mana sistem perbankan kita iaitu institusi kewangan, insurans dan sebagainya berkemungkinan akan dipunyai oleh pemegang-pemegang saham luar dan

kalau ianya berlaku kemungkinan dasar monitoring negara kita ini susah juga hendak dilaksanakan.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat, setiap IMF itu ada mempunyai dua wajah. Satu, wajah yang bagus dan satu lagi wajah yang tidak bagus. Tetapi apa yang kita lihat daripada segi IMF ini, seperti di Korea sekarang ini, Korea telah meminta peruntukan kewangan daripada Amerika kerana katanya IMF terlalu lambat dan keadaan semasa sekarang ini sungguh menakutkan. Jadi, Amerika mengatakan minta kepada IMF dahulu dan seterusnya.

Apa yang berlaku sekarang ini, kalau kita tengokkan apa yang dikehendaki oleh IMF ialah supaya mengikut cakap dia, maknanya dia dictates, dengan izin, menentukan arah-arrah politik. Pertamanya, macam di Malaysia kita mempunyai polisi yang berlainan dengan negara-negara lain oleh kerana kita punya mental make up dan societal make up kita, dengan izin. Jadi, kalau misalnya kita terima IMF sepertimana negara-negara yang lain, kita akan melihat bahawa apa yang dikehendaki oleh IMF ialah untuk kita membayar balik sahaja hutang-hutang itu. Jadi, dia akan menentukan berapa hutang yang kita bayar dan sebagainya. Dia tidak menentukan polisi, dasar dan dia tidak menentukan bahawa kestabilan politik kita mesti harus dijaga. Jadi, inilah ditakuti oleh negara-negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat di Thailand misalnya, 58 institusi kewangan lingkup cuma dua sahaja dapat disurvivekan, kalau kita lihat pula di

Indonesia - 15 jatuh dan peruntukan yang diberi untuk Thailand misalnya sebanyak RM17 bilion dan untuk Indonesia sebanyak RM23 bilion dan untuk Korea Selatan sebanyak RM57 bilion, tetapi duitnya belum datang, keadaan sudah tenat, ini yang kita dapati apa yang berlaku di negara-negara itu.

Alhamdulillah, insya-Allah, kita masih lagi boleh bertahan dan kita hendakkan Ahli-ahli Yang Berhormat memberitahu kepada orang kampung bahawa kita masih kukuh dari segi perbankan kita dan kita berharap sangat supaya IMF tidak masuk campur dalam hal keadaan ini.

Mengenai WTO - 51%, kita telah pun menandatangani kontrak WTO ini tetapi kita akan delay implementasinya kerana ada ruang, ini yang kita hendakkan supaya dapat bank-bank kita, institusi kewangan kita bergabung dahulu, kuatkan dahulu baru mereka boleh masuk dan boleh bersaing. Kalau kita lemah, masih lagi tidak bergabung, tidak bersatu, kalau mereka masuk nanti apabila tiba masanya, kita akan di'makan' begitu sahaja.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas segala pandangan yang telah diberi. Walau macam manapun, orang lain tak tahu tetapi kami Ahli-ahli Yang Berhormat bila balik kampung satu persoalan ditanya. Kami boleh jawab tetapi adakah jawapan kami ini bersamaan dengan jawapan dari pihak kerajaan. Jadi, orang kampung sekarang telah cerdik, dia tanya, Malaysia, Thailand, Indonesia, Taiwan, Hong Kong, Korea dan Jepun sibuk dengan arus pertikaian yang berlaku sekarang. Tetapi soalan yang ditanya fasal apa Singapura tidak begitu sibuk dengan keadaan yang ada sekarang. Jadi, kita boleh cerita, tetapi adakah cerita kita ini sama dengan

cerita kerajaan yang akan maklumkan kepada kami supaya kami boleh cerita balik kepada rakyat.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, lambat laun negara keseluruhannya akan dilanda perkara ini, cuma lambat atau lekasnya sahaja, ini bergantung seperti yang saya nyatakan mengenai reserve kita. Kita mempunyai reserve sebanyak 3.6 bulan dan sekarang ini kita akan cuba menaikan reserve kita kepada empat bulan tertangguh. Apa yang kita hadapi sekarang ini kalau kita lihatkan pagi tadi pun konsep EAEC ini lama kelamaan akan wujud walaupun ia tidak mempunyai struktur yang kukuh kerana kita lihat dahulu apabila Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir menerangkan mengenai konsep EAEC, orang Amerika takut. Tetapi sekarang ini kita ada Asian Plus Three iaitu yang datang China, Korea dan juga Jepun dan alhamdulillah dengan adanya persemuafakatan seperti di negara-negara Asia nanti, EAEC akan dapat diwujudkan secara tidak langsung dan dapat menangani masalah yang kita hadapi.

#### **SIDANG KEMUNCAK G-15 - PENYERTAAN ANGGOTA DAN PENCAPAIAN**

**6. Tuan Tan Swee Hueng** minta Menteri Luar Negeri menyatakan berkaitan dengan Persidangan G-15 pada bulan November, berapa negeri yang mengambil bahagian dan berapakah negara yang tidak menghantar wakilnya. Apakah yang dicapai dalam persidangan kali ini dan mengapa persidangan menetapkan 'G-15' tidak perlu 'secretariat' lagi.

**Dato' Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta izin Tuan Yang di-Pertua untuk menjawab dua pertanyaan mulut daripada Yang Berhormat Tuan Tan Swee Hueng pada hari ini dan Yang

Berhormat Tuan N. Marimuthu pada 18 Disember 1997 kerana jawapan yang saya ingin berikan kepada kedua-dua pertanyaan tersebut berhubung dengan Sidang Kemuncak Kumpulan 15 adalah berkaitan.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Sidang Kemuncak Ketujuh Kumpulan 15 yang berlangsung pada 3 hingga 5 November 1997 di Kuala Lumpur telah dihadiri oleh semua anggota Kumpulan 15 yang terdiri daripada 16 buah negara. Enam negara iaitu Algeria, Indonesia, Malaysia, Mesir, Peru dan Zimbabwe telah diwakili oleh Presiden atau Perdana Menteri masing-masing, manakala tiga lagi negara iaitu Argentina, India dan Jamaica diwakili oleh Naib Presiden atau Timbalan Perdana Menteri.

Lain-lain anggota seperti Brazil, Chile, Kenya, Mexico, Nigeria dan Senegal telah diwakili di peringkat menteri. Hanya Venezuela diwakili oleh Duta Besarnya di Malaysia.

Beberapa ketua-ketua negara/kerajaan negara anggota tidak dapat hadir di Sidang Kemuncak Ketujuh ini kerana mereka terlibat dalam persidangan-persidangan lain. Selain dari itu, beberapa negara anggota sedang membuat persiapan bagi menghadapi pilihan raya di negara masing-masing.

Sidang Kemuncak kali ini telah berjaya mengukuhkan kerjasama terutamanya di bidang ekonomi di antara negara-negara anggota. Penekanan juga dibuat untuk mempertingkatkan perdagangan dan pelaburan di kalangan negara-negara Kumpulan 15. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, satu mesyuarat menteri-menteri perdagangan/ekonomi telah diadakan buat kali pertamanya sebelum sidang kemuncak.

Malaysia juga telah memainkan peranan penting dalam mengemukakan pendirian kita mengenai krisis kewangan semasa. Sehubungan dengan ini, Kumpulan 15 telah mengeluarkan satu kenyataan bersama bagi menangani masalah ini.

Berhubung dengan soal penubuhan satu sekretariat tetap Kumpulan 15, buat masa ini Kumpulan 15 mendapati bahawa pejabat sokongan yang dipanggil “Technical Support Facility” yang beribu pejabat di Geneva adalah memadai dalam menyalaras dan mengurus aktiviti Kumpulan 15. Namun begitu, cadangan untuk menubuhkan satu Sekretariat Tetap Kumpulan 15 sedang mendapat perhatian.

Berhubung dengan respon dari negara-negara maju pula, adalah diperhatikan bahawa terdapat beberapa negara dalam Kumpulan 7 iaitu kumpulan negara-negara maju, berpandangan bahawa Kumpulan 15 adalah satu gabungan negara-negara membangun yang berperanan positif dan aktif di bidang ekonomi. Oleh itu, terdapat cadangan supaya diadakan satu dialog di antara Kumpulan 7 dan Kumpulan 15 bagi membincang dan menangani masalah ekonomi global.

**Dato’ Haji Abdul Majid bin Haji Baba:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu apakah faedah yang nyata kepada negara kita khasnya bahagian ekonomi kesan dari persidangan G-15 yang telah diadakan di negara kita.

**Dato’ Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam Persidangan Ketujuh Kumpulan G-15 ini kita

telah mencapai satu persefahaman di antara negara-negara anggota dan telah mengeluarkan satu communique di mana persetujuan atas kerjasama yang lebih erat lagi di antara negara-negara anggota dalam bidang pembangunan dan ekonomi dan juga sama-sama bersedia untuk mencapai usaha menuju ke arah liberalisasi dalam polisi atau dasar perdagangan.

Ini juga kita telah mendapat sokongan dalam memberi perhatian kepada perubahan keadaan dan alam sekitar perdagangan secara global pada hari ini dan tidak dapat kita nafikan bahawa kerjasama antara Selatan-Selatan dan Selatan-Utara sentiasa menjadikan forum ini sebagai satu tempat untuk mereka menyelesaikan apa-apa jua masalah atau cabaran yang dihadapi dalam bidang ekonomi dan pembangunan.

#### **TELEINFO - KESAN KE ATAS GENERASI MUDA**

**7. Puan Hajah Selemiah binti Hashim** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan memandangkan Teleinfo telah memberikan informasi yang segera kepada pemanggil yang mendail 600, terdapat teleinfo yang berbentuk kaunseling kuiz dan peraduan di samping teleinfo yang boleh menyebabkan remaja terjebak dengan gejala yang kurang sihat seperti telerindu, telekasih, teleseram dan sebagainya, dengan kadar bayaran yang mahal dikenakan kepada pemanggil teleinfo, kadang-kadang telah menyebabkan remaja dan kanak-kanak membazirkan masa dengan mencuba berbagai-bagai peraduan yang ditawarkan. Apakah syarat-syarat yang dikenakan, serta kajian mengenai kesannya kepada generasi muda.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong**

**Choy]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terlebih dahulu perlu saya tekankan bahawa perkhidmatan 600 merupakan perkhidmatan premium dan banyak maklumat yang berfaedah boleh didapati dengan cepat. Perkhidmatan-perkhidmatan yang dibekalkan adalah seperti berikut:-

- (i) maklumat seperti berita, pelancongan, pasaran saham dan sebagainya;
- (ii) peraduan seperti telecontest, movie contest dan sebagainya;
- (iii) hiburan seperti album review, telekawan, horoskop dan sebagainya.

Semua pengusaha-pengusaha adalah dilesenkan dan perlu mengikuti dan mematuhi beberapa syarat-syarat termasuk memastikan tiada terdapat unsur lucah dalam perkhidmatan tersebut. Selain dari itu, pengusaha-pengusaha yang telah dilesenkan dikehendaki juga mematuhi panduan-panduan yang terdapat di dalam Telecommunication Regulatory Framework For The 600 Services.

Sungguhpun kerajaan belum lagi membuat kajian tentang kesan perkhidmatan 600 ini, namun pembangunannya diawasi dengan teliti. Sementara itu, kita ibu bapa juga mempunyai peranan yang penting untuk menasihati dan memberi penerangan kepada anak-anak kita supaya lebih berhati-hati dan cermat dalam menggunakan perkhidmatan-perkhidmatan 600.

**Datuk Haji Sairin bin Karno:** Tuan Yang di-Pertua, apakah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos berhasrat untuk mengurangkan bayaran bagi service 600 ini?

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ini merupakan value-added service perkhidmatan premium, maka bayarannya tidak dikawal oleh kementerian.

**SUKAN KOMANWEL - TINDAKAN MENGATASI JEREBU**



**8. Tuan Haji Abdillah bin Abdul Rahim** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah perancangan kerajaan untuk mengurus acara-acara Sukan Komanwel sekiranya berlaku jerebu dengan tiba-tiba semasa temasya sukan itu kelak.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Loke Yuen Yow]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan amat prihatin kepada masalah jerebu sepertimana yang dialami baru-baru ini. Pelbagai langkah telah diambil oleh kerajaan bagi mengatasi masalah tersebut. Pihak kerajaan juga sedar akan masalah jerebu boleh datang secara tiba-tiba. Tindakan yang lebih berkesan ialah dengan mengambil langkah-langkah pencegahan pada peringkat awal-awal lagi.

Tuan Yang di-Pertua, pihak berkuasa akan sentiasa memerhatikan dan mengambil tindakan kepada pihak-pihak yang melakukan sesuatu yang boleh menyebabkan jerebu seperti pembakaran secara terbuka dan kawalan ke atas asap kenderaan. Pembersihan awan, jika perlu akan dijalankan sepertimana yang pernah dilakukan sebelum ini.

**Tuan Abdillah bin Abdul Rahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya telah difahamkan bahawa El-Nino itu masih lagi bergerak dan seperti baru-baru ini ianya telah melanda Mexico di mana salji tebal telah turun dan saya ingin tahu di sini ialah apakah reaksi negara-negara yang akan ikut serta dalam Sukan Komanwel ini terhadap masalah jerebu yang kita alami baru-baru ini?

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, masalah jerebu adalah masalah yang disebabkan oleh cuaca yang panas dan kering di rantau ini termasuk masalah yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat, jadi walaupun

kerajaan sedar dan kerajaan bimbang juga bahawa ini akan mendatangkan sedikit sebanyak kesan kepada Temasya Sukan Komanwel yang akan datang pada tahun depan, tetapi apa yang kerajaan boleh buat ialah mengambil langkah-langkah pencegahan sahaja supaya kita harap kalau boleh masalah jerebu tidak berlaku lagi tetapi kalau berlaku lagi, kita akan mengambil langkah-langkah lain supaya mengurangkan tahap masalah yang mungkin melanda negara kita ini.

Jadi, kerajaan melalui kementerian-kementerian lain seperti Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan juga Kementerian Luar Negeri supaya kita meminta negara-negara jiran berhati-hati apabila musim kering ataupun panas sampai pada tahun depan. Itu sahaja yang kita boleh buat. Terima kasih.

**Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu sejauh mana persiapan untuk Sukan Komanwel sekarang ini dan sekarang ini ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan lain itu!

**Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba:** Ada kaitan, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini berkenaan dengan jerebu.

**Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba:** Ada kaitan dengan sukan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yalah, ini berkenaan jerebu. Tak payahlah, minta soalan secara bertulislah ya.

**Datuk Haji Abdul Majid bin Haji Baba:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Hajah Jamilah binti Ibrahim.

**Dato' Haji Ahmad bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin soalan Nombor 9.

**DWI KRISIS MATA WANG - PASARAN SAHAM -  
JEREBU - KESEDARAN SEBAGAI BENCANA ALAM**

9. **Dato' Haji Ahmad bin Ismail [di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah kerajaan menganggap dwi krisis mata wang dan pasaran saham dan juga masalah jerebu yang melanda negara ini sebagai bencana alam semata-mata ataupun sebaliknya kerajaan menyedarinya sebagai balasan dan bala bencana, iktibar dan peringatan rohaniah di atas pelbagai sikap 'keterlaluan' dan 'penyimpangan' di dalam kegiatan ekonomi dan pelbagai aspek akhlak supaya kita benar-benar insaf dan seterusnya 'kembali ke pangkal jalan' yang lebih selamat dan sejahtera.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya soalan ini ada buruk sangka mengenai kerajaan kerana dwi krisis mata wang dan pasaran saham dan juga jerebu bukan sahaja dilandaskan kepada masalah-masalah ekonomi tetapi soalan ini mengatakan bahawa balasan dan bala bencana daripada Tuhan. Jadi, saya cuma hendak mengatakan kalau kita lihat banjir di Kelantan dan ramai orang meninggal dunia, orang mati adakah ini satu bala bencana yang ditujukan kepada Kerajaan PAS di Kelantan? *[Tepuk]*

**Tuan Rosli bin Mat Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, saya tak tahulah, oleh kerana saya bukan pakar dalam bidang agama tetapi seorang Islam sebagaimana ajaran, apakah Kementerian Kewangan sedar bahawa ujian Allah

S.W.T. itu berlaku apabila ekonomi melambung dan juga ekonomi merudum. Jadi, kalau boleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dapat menjelaskan kepada kita erti bencana dalam kaedah kita membangun dan kita menghadapi kemunduran dalam ekonomi. Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, segala bencana sepertimana yang dikatakan tadi, kita boleh memandangnya dari segi ekonomi kita ataupun kita boleh memandangkan dari segi kesabaran kita. Jadi, ini juga merupakan satu pengajaran kepada kita dan saya rasakan masalah ini diuji, kalau misalnya Nabi Muhammad s.a.w. apabila menunggang unta dari Mekah ke Madinah semasa Hijrah, unta itu takkan lari, tetapi Nabi Muhammad ikat dahulu unta itu untuk memberi pengajaran kepada kita.

**Puan Hajah Zaleha binti Hussin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebenarnya saya tertarik juga dengan apa yang disebut mengenai krisis mata wang, pasaran saham dan masalah jerebu yang telah menimpa negara ini ialah kerana beberapa sikap yang boleh membawa bencana dan bala kepada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat jawapan dari pihak Kementerian Kewangan, oleh kerana Kerajaan Negeri Kelantan itu kononnya sebuah negeri yang menjadi 'serambi Mekah' yang kononnya sebuah negeri yang berteraskan dasar-dasar Islam, apakah negeri tersebut keadaan ekonomi, keadaan masalah yang merupakan bencana dan juga bala tidak menimpa negeri tersebut?

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, kita sebagai cerita Nabi, apabila seorang berjalan, Nabi berjalan untuk pergi bersembahyang, ada orang menyiram dengan najis-najis kepada dia, tetapi apabila orang itu tidak menyiram najis lagi kepadanya, dia bertanya kepada orang sebelah: "Mana orang yang selalu menyiram najis kepada dia ini semasa dia hendak beribadat?" Jadi, orang itu berkata bahawa orang yang menyiram ini sakit kuat. Lantas itu Nabi telah pun mengunjungi orang itu berikan madu, berikan susu dan memberikan buah kurma yang bagus-bagus. Inilah iktibar kita daripada Kerajaan Persekutuan bahawa kalau misalnya Kerajaan Negeri Kelantan minta pertolongan, kita akan beri. *[Tepuk]*

#### **GANGGUAN BEKALAI AIR DI LEMBAH KLANG - SEBAB**

**10. Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin** minta Menteri Kerja Raya menyatakan:-

- (a) sebab-sebab mengapa kerap kali berlaku putus bekalan air khususnya di kawasan Lembah Klang; dan sama ada penswastaaan bekalan air kepada pihak swasta hanya membawa lebih kesusahan kepada rakyat jelata; dan
- (b) adakah gangguan serta putus bekalan air disebabkan kerja-kerja khianat; dan jika ya, apakah tindakan yang akan dilakukan supaya ianya tidak berulang lagi.

**Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara lain gangguan bekalan air disebabkan oleh perkara berikut:-

- (i) bekalan elektrik terputus atau pencemaran sumber air mengakibatkan pemberhentian operasi loji rawatan air;
- (ii) Pemecahan paip; dan
- (iii) kerja-kerja pengalihan paip untuk sambungan ke kawasan pembangunan baru.

Ini bermakna terputusnya bekalan air boleh berlaku sama ada sistem bekalan air telah diswastakan atau sebaliknya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penswastakan bekalan air akan memberi perkhidmatan yang cekap dan berkesan kepada pengguna kerana syarikat konsesi yang dipilih mempunyai kepakaran dari segi pengurusan air dan keupayaan kewangan. Keadaan sedemikian sudah tentulah akan memberi perkhidmatan yang baik dan sempurna kepada pengguna.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini gangguan bekalan air yang berlaku bukan disebabkan perbuatan khianat.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Saya ingin tahu dari pihak kementerian, dengan adanya penswastakan dan adanya pelbagai masalah ini berapa kerapkah perondaan kualiti yang dijalankan oleh pihak kementerian bagi meronda

kawasan ataupun tempat yang mengeluarkan air ini, adakah ianya merupakan tanggungjawab kementerian ataupun ianya sekarang ini hanya dibiarkan sahaja kepada pihak yang diswastakan dan menjalankannya dan kalau sekiranya ada, dalam seminggu itu berapa kali agaknya mereka pergi meronda?

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, perondaan bukanlah sebahagian tugas kementerian saya.

**Tuan Rosli bin Mat Hasan:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kita melihat kepada program Jabatan Kerja Raya hampir banyak bidang, seperti bekalan air, kuari dan pelbagai lagi telah dikeluarkan daripada peranan Jabatan Kerja Raya dan empat, lima tahun dahulu kita dapati bahawa Jabatan Kerja Raya akan diswastakan. Jadi kalau boleh Yang Berhormat Menteri dapat memberi maklum kepada kita sejauh manakah perkembangan penswastakan Jabatan Kerja Raya kerana sebagaimana kita tahu professionalism, dengan izin, yang berada dalam Jabatan Kerja Raya kita mempunyai lebih daripada 1,200 orang yang sekali gus selain dapat mengurangkan kos kerajaan, ianya juga dapat membina satu kekuatan baru kepada negara apabila kita dapat melabur ataupun melaksanakan bidang kerja pembinaan dan lain-lain di negara-negara luar. Terima kasih.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, penswastakan Jabatan Kerja Raya sedang dalam proses Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri tetapi saya tidak tahu bilakah perkara dan urusan ini boleh dapat diselesaikan. Walau bagaimanapun, suka saya menerangkan jikalau kita menswastakan Jabatan Kerja Raya sepenuhnya, ini tidak boleh memberi apa-apa jaminan, selepas itu kerja-kerja jadi lebih baik, perkhidmatan boleh murah daripada apa yang kita punyai sekarang. Oleh kerana itu, saya ingat lebih baik kita lewat-lewatkan lebih bagus. *[Ketawa]*

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, seperti yang saya sebut dahulu JKR maknanya 'jasa kepada rakyat' dan saya juga memberi istilah 'jaga kebajikan rakyat' ataupun 'jaga kepentingan rakyat', tetapi Yang Berhormat Menteri jawab tadi kerja penyeliaan dan sebagainya bukan di bawah tanggungjawab JKR tetapi yang beri konsesi kepada syarikat itu ialah JKR bagi pihak kerajaan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak Menteri sama ada pihak Kementerian Kerja Raya boleh memikirkan satu alternatif, maknanya bila berlaku sesuatu kerja ubahsuai, hendak perbaiki paip dan sebagainya, ada alternatif untuk hendak bekalkan air

kepada penduduk di tempat itu. Seperti juga Tenaga Nasional sekarang ini, dia buat pencawang-pencawang. Kalau berlaku breakdown, dia start enjin di situ, dia boleh beri hidup janakuasa serta-merta. Inilah yang perlu difikirkan dengan zaman sekarang, bukan meletakkan kesalahan seperti PAS kata serah kepada Allah Ta'ala. Saya ucap syabas kepada JKR kerana berjaya memberi satu perkhidmatan yang sudah meningkat, tetapi kita harus memikirkan menjurus kepada kebajikan rakyat. Ini kemudahan asas, jangan kita memikirkan banyak kepada soal komersial, keuntungan syarikat yang mendapat konsesi. Jadi kita harap jawapan itu memberi gambaran seolah-olah rakyat boleh terima. Ini yang saya ingin supaya pihak JKR memberi penjelasan.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri sudah jadi Menteri Kerja Raya dan juga Menteri Tenaga, Telekom dan Pos. *[Ketawa]* Di Dewan yang mulia ini sudah jawab lebih daripada 150 kali *[Ketawa]* semua penjelasan. Saya sendiri jawab, bukan saya minta orang lain menjawab. Sebagai satu agensi yang bertanggungjawab, ada juga soalan tadi dari Ahli Yang Berhormat iaitu minta adakah kita menjalankan perondaan, saya kata, kita tidak menjalankan perondaan oleh kerana pencemaran air yang telah berlaku di Lembah Kelang ini bukannya dekat tempat-tempat mana yang kita ada loji tetapi sejauh 20 batu, 30 batu jauh daripada loji kita membersihkan air. Jikalau kita suka juga mengadakan perondaan kepada kawasan itu, kita akan menjadi pihak polis, bukan jadi Jabatan Kerja Air. Jabatan Kerja Air jikalau kita suka juga membekalkan air kepada rakyat jelata, iaitu pengguna-pengguna, ini bukanlah satu perkara boleh dapat diselesaikan dalam tempoh 6 bulan atau 12 bulan.

Setakat ini saya suka juga menjelaskan sedikit, negara kita membangun dengan seberapa rapat, bukan satu, dua. Dalam tempoh lima tahun kita boleh juga mengadakan 50,000 rumah, 100,000 rumah, tetapi dalam tempoh lima tahun kita tidak boleh mengadakan beberapa stesen atau loji untuk membekalkan air. Oleh kerana itu, pembinaan adalah proses lain dan pembekalan air menjadi proses yang lain. Pembekalan air mesti ada lima tahun 'lead time' baru kita boleh membekalkan. Jadi masalah-masalah seperti apa saya jelaskan tadi, saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat mengambil perhatian. Jabatan Kerja Raya ada juga orang kata bukan 'jasa kepada rakyat', tetapi 'jangan kerja rajin' pun ada juga. *[Ketawa]* Kita tukar nama itu dan kita beri 'jasa kepada rakyat'. Sekarang saya berterima kasih kepada Ahli Yang Berhormat beri satu contoh baru. Kita tengoklah mana satu yang sedap, kita gunakanlah. *[Ketawa]*



**Datin Hajah Wan Intan binti Haji Wan Ahmad Tajuddin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat Dato' Menteri, ingin saya bertanya mengenai bahagian Kapar. Kenapa bahagian Kapar airnya terlalu kecil dan selalu tergendala? Pertama, yang penting sekali pasar, bila saya melawat pasar selalu mereka datang menyerbu saya dan bertanya, bila lagi Datin air hendak datang begitu deras, kami ini sudah bertahun-tahun naik jemu, jelak. Kalau ada perigi, katanya, kami buat perigi tetapi apakan daya. Sila, Dato'. *[Ketawa]*

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, paip-paip retikulasi yang kita gunakan di kawasan-kawasan seperti kawasan Parlimen Kapar adalah paip lama, banyak di antara paip itu rosak. *[Ketawa]* Yang kedua, kita suka juga mengadakan pemasangan paip baru. Dua atau tiga minggu yang lalu Yang Amat Berhormat Dato' Seri Perdana Menteri sendiri menyoal mengapakah kita menghadapi masalah. Jadi kita membuat satu anggaran, kita kena belanja lebih kurang RM750 juta jikalau kita suka membaharui paip, jadi inilah masalah-masalahnya.

Selain daripada itu, jikalau ada juga pembinaan yang berlaku seperti apa saya katakan tadi, bekalan air kepada tiap-tiap kawasan sudah tetap berapakah kita membekalkan. Jikalau rumah sudah lebih, jadi semuanya akan mengambil air daripada paip yang sama, macam itu tekanan kurangnya. Bila tekanan kurang, air tidak naik ke ataslah. *[Ketawa]*

#### ORANG MUFLIS HIDUP MEWAH - TINDAKAN

**11. Dr. Yeow Seng Huat** minta Perdana Menteri menyatakan apakah tindakan-tindakan yang patut diambil terhadap mereka yang diwartakan muflis di segi undang-undang yang sedia ada kerana ramai di antara mereka masih hidup mewah.

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, menurut Undang-undang Kebankrapan yang sedia ada, semua harta milik bankrap adalah terletak hak dengan Pegawai Pemegang Harta. Bagi bankrap yang hidup mewah, Pegawai Pemegang Harta akan mengambil alih harta-hartanya untuk dihasilkan dan dibahagikan kepada pemiutang-pemiutangnya. Jika bankrap yang hidup mewah ini didapati berkeadaan demikian melalui sumber-sumber yang menyalahi Undang-undang Kebankrapan seperti menipu pemiutangnya, terlibat dalam perjudian, menyorokkan atau memindahkan hartanya, tidak menyerahkan hartanya kepada Pegawai Pemegang Harta atau kesalahan-kesalahan lain di bawah Akta Kebankrapan, maka Pegawai Pemegang Harta akan mengambil tindakan untuk mendakwa bankrap berkenaan dan mengambil alih harta-harta tersebut melalui proses-proses yang dibenarkan di bawah Undang-undang Kebankrapan.

Seseorang bankrap perlu memfailkan satu kenyataan bersumpah mengenai harta dan tanggungannya. Bankrap-bankrap yang hidup mewah dan tidak mengisytiharkan hartanya boleh dikenakan tindakan pendakwaan yang membawa hukuman penjara atau denda. Seseorang bankrap hanya dibenarkan memiliki harta untuk keperluan diri dan keluarganya yang tidak melebihi RM5,000. Jika Pegawai Pemegang Harta menerima aduan atau melalui pemerhatian Pegawai Pemegang Harta sendiri mendapat maklumat mengenai mana-mana bankrap yang hidup mewah, maka siasatan terperinci akan dijalankan untuk memastikan pemilik mendaftar harta berkenaan. Siasatan ini termasuk mengadakan pemeriksaan awam ke atas bankrap di mahkamah dan pengumpulan maklumat dari pelbagai pihak berkenaan. Pegawai Pemegang Harta bersedia menerima maklumat dan aduan daripada orang ramai mengenai bankrap yang menyalahi undang-undang. Siasatan akan dijalankan dan jika ada bukti kesalahan telah dilakukan, tindakan akan diambil untuk mendakwa bankrap-bankrap yang berkenaan.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya masih ingat semasa saya bersekolah dahulu bila sebut orang 'bankrap', dimaklumkan dia pakai singlet, pakai selipar. Jadi inilah menunjukkan adat 'si' ini adalah orang yang bankrap, tetapi sekarang sepertimana yang dipersoalkan tadi, dia sudah ubah. Adakah kerajaan bercadang supaya sistem itu dapat dikembalikan untuk diimplemenkan semula di negara kita supaya mana-mana orang yang bankrap pakai singlet dan pakai selipar. *[Ketawa]*

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, ramai orang bankrap ini kadangkala bukanlah dia sendiri yang berniaga. Ada di antara orang yang bankrap ini dia jadi penjamin. Sudahlah orang menjadi penjamin ini bankrap, disuruh pula dia pakai selipar dan singlet, tidak pakai seluar dalam misalannya *[Ketawa]*, bayangkan aniaya terkena kepada penjamin. Jadi kita biarkan dia hidup sebagai manusia biasa, tetapi kita hadkan kebolehannya menggunakan harta.

Saya dimaklumkan juga bagi pihak pemegang harta, walaupun penjamin yang dibankrapkan, dia boleh mengambil balik harta orang yang dia menjadi penjamin tetapi setakat ini tidak ada satu kes pun yang dilaporkan kepada pemegang harta supaya penjamin yang bankrap itu melapor kepada pemegang harta untuk mencarikan peguamnya supaya mendakwa orang yang dijamin itu membayar balik kemampuan yang ada kepada mereka untuk menjelaskan hutang-hutang yang ada, jadi tidak ada. Jadi hakikatnya setakat ini walaupun kita kedapatan demikian rupa, tetapi mengikut undang-undang orang yang bankrap ini sama ada dia berniaga sendiri ataupun menjadi penjamin memanglah kita

hadkan, sepatutnya dia boleh menjalankan dan tidaklah kita menentukan sehinggakan mereka itu tidak boleh berpakaian yang agak lengkap sebagaimana kita. Terima kasih.

**Tuan Rosli bin Mat Hasan:** Tuan Yang di-Pertua, dahulu saya sudah bangkitkan sekali soalan tambahan, oleh kerana had kepada seseorang itu untuk dijatuhkan muflis ialah RM10,000 tetapi dalam suasana kita begitu maju RM10,000 itu setakat mana yang kita tahu ialah terlampau kecil dan kita mempunyai dua keadaan dalam kehidupan kita, iaitu pertama, usahawan yang membuat pinjaman dan kredit. Yang kedua pula ialah kakitangan yang makan gaji, seperti kakitangan kerajaan dan sebagainya yang menjadi penjamin kepada biasiswa, kepada peniaga kecil dan lain-lain. Apakah kerajaan tidak sedar bahawa RM10,000 itu terlampau kecil untuk kita mufliskan seseorang warganegara di negara kita dan akhirnya apabila suasana seperti sekarang ini berlaku, apabila keadaan kredit begitu ketat, berkemungkinan kita akan penuh dengan usahawan-usahawan yang kita lahirkan melalui gerakan negara kita muflis yang begitu ramai. Apakah kerajaan tidak boleh meletakkan satu piawai nilai yang lebih tinggi sesuai dengan suasana keadaan perdagangan perniagaan semasa. Terima kasih.

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kita masih mengekalkan mengikut peruntukan yang ada pada Akta Kebankrapan. Sekiranya perkara ini perlu dikaji semula, maka pihak kerajaan tidak ada keberatan mengkaji semula keadaan yang demikian rupa.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, ekoran daripada krisis kewangan yang berlaku sekarang di mana penurunan mata wang dan keadaan bank menghadapi masalah, adakah kerajaan mempunyai maklumat orang-orang yang terlibat dengan pinjaman ini dan kemungkinan akan menjadi muflis dalam sedikit masa nanti.

**Dato' Haji Muhamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, maklumat secara terperinci tiap-tiap orang, kita tidak ada, tetapi kalau kita melihat keadaan sekarang orang yang berhutang menjadi penjamin adalah ramai. Maka kita tidak boleh menafikan bahawa bilangan orang yang bankrap akan bertambah pada masa akan datang, sebab sejak dahulu sudah 59,592 orang diisytiharkan bankrap, sehingga bulan Jun 1997 seramai 3,329 orang, bagi tahun-tahun akan datang dengan keadaan ekonomi demikian rupa, kita belum dapat meramalkan berapa ramai. Jadi kita akan lihatlah dalam masa enam bulan ataupun setahun, dua tahun lagi bilangan yang sebenar akan terlibat dengan kebangkrapan.

#### **PENUNTUT SEKOLAH MENENGAH/SEKOLAH BERASRAMA PENUH DIKENAKAN TINDAKAN DISIPLIN BUANG SEKOLAH - KESAN**

**12. To' Puan Wan Asiah binti Ahmad** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah prosedur yang ditetapkan oleh pihak kementerian untuk tindakan disiplin penuntut-penuntut di sekolah terutama

sekolah menengah dan sekolah berasrama penuh terutama tindakan disiplin buang sekolah. Adakah kajian dibuat kesan terhadap penuntut-penuntut yang dibuang sekolah, adakah menepati matlamat.

**Timbalan Menteri Pendidikan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, prosedur tindakan buang sekolah adalah seperti berikut:

- (i) pelajar telah terbukti bersalah;
- (ii) pelajar berkenaannya telah dikenakan tindakan-tindakan seperti nasihat, amaran, rotan dan gantung persekolahan;
- (iii) pelajar berkenaannya telah diberi kaunseling oleh guru kaunseling tetapi tidak melihat perubahan;
- (iv) ibu bapa pelajar berkenaannya telah dipanggil ke sekolah;
- (v) surat pembuangan dikeluarkan dan diberi peluang merayu untuk bersekolah semula;
- (vi) rayuan kepada Pendaftar, iaitu Pengarah Pendidikan Negeri; dan
- (vii) pelajar yang merayu pada kebiasaannya akan diterima semula.

Daripada maklumat yang diperolehi, pelajar-pelajar yang diterima semula bersekolah setelah membuat rayuan memperlihatkan perubahan tingkah laku yang positif. Terima kasih.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, kita mengamalkan dasar pendidikan seumur hidup ataupun sepanjang hayat. Bagaimanakah kerajaan hendak memastikan pelajar-pelajar yang terlibat dengan tindakan disiplin buang sekolah ini terus mendapat peluang untuk mendapat pendidikan?

**Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah terangkan tadi prosesnya. Daripada angka-angka yang kita ada ini tidak banyak mana pelajar-pelajar yang terus dibuang sekolah, biasanya kita ambil balik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah selesai.

*[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 13 hingga 42 akan dijilid dalam buku berasingan]*

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1998

#### Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” [11 Disember 1997]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Ghazi minta sambungkan ucapan.

3.47 ptg.

**Dato' Ghazi bin Haji Ramli:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk menyambung perbahasan dalam rang undang-undang yang berkenaan.

Saya ingin, dengan izin, memulakan perbahasan saya kali ini dengan membaca sepotong ayat al-Quranul Karim, surah al-Baqarah, ayat 269 [*membaca dalam bahasa Arab*] Maksudnya, ‘Allah memberikan hikmat kebijaksanaan, yakni ilmu yang berguna kepada sesiapa yang dikehendakiNya, yakni menurut siaran yang ditentukanNya dan sesiapa yang memberikan hikmat itu maka sesungguhnya ia telah diberikan kebaikan yang banyak dan tiadalah yang dapat mengambil pengajaran dan peringatan melainkan orang-orang yang menggunakan akal fikirannya’. Saya petik ini dari CD Rom al-Quranul Karim, terbitan Syarikat Perisian Sahar dari Kaherah dan qari yang membacanya ialah Syeikh Mahmud Khalil Al-Khusairy.

Tuan Yang di-Pertua, saya memetik ayat ini kerana dalam suasana kita menganjur untuk mewujudkan masyarakat berilmu, mengajak keseluruhan masyarakat banyak membaca dan belajar sehingga habis hayat dan mengajak masyarakat keseluruhannya dari muda hingga dewasa supaya berfikir menggunakan akal fikiran yang diberi oleh Tuhan. Oleh kerana itu saya rasa inilah peluang terbaik selaras dengan apa yang dianjurkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sendiri supaya senantiasa belajar dan menggunakan akal fikiran dan memikirkan benda-benda baru yang kreatif, sesuai dengan suasana Koridor Raya Multimedia yang meletakkan alam sekitar yang terbaik untuk kita menggunakan akal fikiran kita yang mengikut ahli kaji selidik hanya kita dapat menggunakan 10% daripada kapasiti kita berfikir.

Oleh kerana itu, saya rasa saya ingin mengambil peluang ini, Tuan Yang di-Pertua, untuk mengatakan bahawa kemelut ekonomi yang banyak kita bercakap sekarang yang ada di antara Ahli

Yang Berhormat mengambil bahagian yang mengatakan bala bencana dan sebagainya. Saya ingin mengalih perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini supaya melihat ini dengan satu cara yang positif, yang proaktif dan melihat kemelut ekonomi ini sebagai satu opportunity, dengan izin, sebagai satu peluang yang maha besar untuk kita memberi cabaran (challenge) kepada diri kita masing-masing di semua peringkat supaya memikirkan tentang cara yang lebih baik untuk menghadapi dan memberi jalan penyelesaian (solution) kepada apa sahaja permasalahan yang kita dapat.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana itu saya ingin rujuk kepada hari Khamis lepas, serentak dengan kita dalam Dewan yang mulia ini bercakap tentang usul, masa itu Kementerian Pertanian mengadakan sidang akhbar diberi oleh Yang Berhormat Menteri, dihadiri oleh Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen. Saya sebut sedikit tentang kementerian berkenaan pada hari itu, tetapi dalam jurang masa dua, tiga hari yang lepas, kita semua telah didedahkan dengan maklumat ini melalui akhbar. Saya ingin tunjuk contoh bagaimanakah satu permasalahan besar yang boleh kita katakan RM9 bilion nilainya kerana kita import banyak itu, ini masalah besar yang kita hadapi dalam negara kita dan bagaimanakah maklumat ini disampaikan kepada masyarakat.

Pada hujung minggu ini saya telah perhatikan, saya hendak baca akhbar, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Tajuk pertama diberi atas pengumuman itu, 'Jawatankuasa Kerja Tingkat Pengeluaran Domestik Ditubuh'. Jadi bunyinya hanya sebut 'jawatankuasa kerja untuk mengeluarkan pengeluaran'. Ini satu cara diberi pengumuman maklumat kepada masyarakat. Keduanya, dalam satu akhbar bahasa Malaysia juga yang lain, 'RM22 Juta Tambahan Subsidi Baja'. Di sebut 'subsidi' sahaja, jadi kita tidak terasa yang isu RM9 bilion yang kita hadapi masalah yang begini besar tidak terasa oleh masyarakat. Kalau saya tidak berminat atas tajuk ini khususnya, saya baca bab subsidi, saya kata, okaylah, itu cerita dia, saya tak ada kisah dan saya rasa masyarakat lain juga mungkin re-act begitu.

Satu akhbar Inggeris lain memetik begini, dengan izin, 'RM22 million more in fertilizer assistant for paddy farmers'. Ertinya RM22 juta - masih lagi bercakap tentang sokongan kepada petani. Cuma yang baik sedikit akhbar ini ialah front page. Akhbar bahasa Malaysia tadi duduk dalam, terselit, boleh jadi tak nampak.

Satu lagi akhbar yang berbentuk perniagaan sedikit, dalam bahasa Inggeris, 'move to raise food production'. Diberinya carta-carta, angka-angka, ini sekurang-kurangnya membuka selera saya membaca untuk mengetahui dengan lebih banyak apakah maklumat yang dikatakan satu tindakan untuk meningkatkan pengeluaran makanan. Ini yang saya hendak beri contoh.

Contoh terakhir ialah dalam satu akhbar yang lain, front page ditulis dengan besar, dengan izin, 'Home Veges - Project to get every home to grow green the games'. 'Satu projek besar yang membolehkan setiap rumah menanam sayur bermula', lebih kurang macam itulah. 'Home Veges' ertinya 'sayuran di rumah'. Ini pada saya cara-cara kita didedahkan dengan maklumat oleh akhbar. Oleh kerana itu - orang akhbar tak banyak - saya ingin menegur supaya kita menerima teguran-teguran oleh akhbar-akhbar ini bila berlaku sesuatu dalam masyarakat, kerana kata akhbar-akhbar, mereka bertanggungjawab untuk menyampaikan maklumat untuk mendidik masyarakat, mendedahkan penyelewengan dan sebagainya. Ini baik, saya puji dan saya ucap tahniah. Tetapi dalam masa yang sama, kalau kita menghadapi masalah RM9 bilion import yang kita selalu kata hendak kurangkan import, tolonglah buat laporan (report) dan beri keutamaan yang lebih hebat. Itu sahaja permintaan saya. Janganlah hanya kita report benda-benda yang RM1 juta, RM2 juta, RM5 juta, dipanjang-panjangkan, tak habis-habis, tetapi yang RM9 bilion yang saya sebut tidak diberi laporan yang memuaskan. Satu contoh, RM700 juta hanya untuk import satu jenis sayuran sahaja - RM700 juta adalah besar. Cuba akhbar umpamanya menjalankan peranan untuk memimpin masyarakat seperti saya yang jahil dalam bidang pertanian, saya ingin tahu secara spontan (immediately).

Ini bab Kementerian Pertanian pula. Saya ucap tahniah atas langkah yang telah diambil oleh pihak kementerian dalam perkara menghidupkan semula Buku Hijau, agak terlewat tetapi sekurang-kurangnya, dengan izin, is better late than never, tetapi janganlah semua hanya hendak tunggu jawatankuasa beri jawab. Kalau sudah ada berpuluh-puluh institusi yang buat dahulu, takkanlah tidak boleh cerita secara spontan bagaimana hendak mengajak masyarakat membuat sesuatu.

Oleh kerana itu, saya ada contoh yang baik umpamanya satu yang saya tertarik, hari yang lain keluar pula satu gambar hijau, ini menarik, dia tulis, dengan izin, 'Vegetables live on fresh air'. 'Sayur-sayuran ini boleh hidup atas udara yang bebas, yang bersih', itu sahaja. Bila dia beri tajuk macam ini, dia tunjuk pula sayur-sayuran yang menghijau, yang sihat, yang tidak ada pesticide dan sebagainya, ini menarik kita membaca. Bila baca, saya diajar ataupun diberi maklum dan saya sudah belajar sekarang ini mengenai bab bukan sahaja hidroponik yang kita tahu, ini mendedahkan kita kepada satu kaedah lain yang dipanggil aeroponik. Hidroponik tidak guna soil, tidak guna tanah, tetapi guna air. Aeroponik tidak juga guna tanah, tetapi hanya guna udara yang bersih sahaja. Jadi maklumatnya banyak, kisahnya banyak. Bila kita membuat cerita-cerita contoh teladan yang begini barulah kita boleh mengajak dan memimpin masyarakat untuk bersama-sama dengan kerajaan untuk menyelesaikan masalah. Pada saya,

kita boleh bercerita tentang kerajaan patut buat itu, patut buat ini. Ini sebagai satu contoh yang pihak swasta patut buat.

Saya ingin mengucapkan setinggi tahniah umpamanya kepada syarikat Sime Darby di sini. Dia sebenarnya melihat contoh teladan di Pulau Singapura. Kalau boleh saya tidak mahu sebut 'pulau' itu, tetapi hendak sebut 'dekat'. Oleh kerana itu, dia sudah buat satu tempat di Seremban yang amat baik sekali, hampir 12 ekar dan ini menunjukkan kejayaan. Kalau maklumat seperti ini dapat dicapai oleh syarikat Sime Darby, saya ingat syarikat Sime Darby sebagai syarikat swasta bolehlah dengan kepakaran dan kedudukan kewangan yang kuat boleh membawa pula berita ini di peringkat rumah supaya dapat dibuat aeroponik ini di peringkat rumah. Jadi, itu pada saya adalah langkah-langkah positif cara pihak swasta boleh memainkan peranan dari segi bidang maklumat oleh akhbar-akhbar tempatan dan juga oleh syarikat-syarikat swasta yang telah pun mengambil bahagian dalam usaha untuk menghadapi kemelut ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menambah sedikit lagi tentang cadangan kempen ini. Saya sebut sedikit, dahulu kita kata hendak buat kempen. Oleh kerana banyak sangat kempen dalam negara, kadang-kadang kita tidak tahu yang mana satu sebenarnya patut diberi keutamaan. Pada saya, kalau dibuat pemilihan sekarang ini kempen sayur-sayuran di rumah inilah yang berlandaskan pertanian patut diberi keutamaan, hampir sama tarafnya dengan MSC atau Koridor Raya Multimedia. Kalau kita boleh buat sesuatu yang dunia tidak pernah buat, kita pergi tengok model-model yang terbaik di seluruh dunia dan kita jadikan itu hak kita, konsep kita sendiri, kekuatan kita sendiri, orang semua kagum mengapa tidak, yang kita tidak ada teknologi pun, kita hanya mengajak orang lain hendak belajar bersama-sama kerana benda ini baru. Mengapa tidak dalam satu bidang yang sebenarnya kita mempunyai kekuatan yang kuat supaya ini dapat dimanfaatkan bersama.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tekankan khususnya ditujukan kepada kementerian dan syarikat-syarikat swasta dan yang lain bahawa bila kita hendak buat sesuatu program seperti ini kita tidak payahlah tunggu sehingga keadaannya begitu ideal, begitu unggul baru kita hendak buat. Saya takut bila tubuh jawatankuasa, kita seolah-olah menyatakan bahawa kita tidak ada lagi solution, tidak ada lagi apa kita hendak beritahu kepada masyarakat, tidak ada lagi yang kita hendak tunjuk ajar, cuma kita hendak bercakap dalam peringkat Jawatankuasa sahaja.



Saya ingin memetik kata-kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad bila beliau berucap tentang Wawasan 2020 pada 28 Februari 1991. Dengan izin, katanya begini, 'Tidak ada formula yang sempurna tetapi yang tidak baik dan tidak produktif ialah agenda sempurna yang tidak dilaksanakan'. Kata beliau, kalau hendak tunggu yang sempurna ini tidak ada, tak payah tunggu, tetapi yang tidak baik dan tidak produktif ini ialah agenda sempurna yang tidak dilaksanakan. Mesejnya ialah keseluruhan jentera kerajaan, keseluruhan jentera swasta marilah kita terus proaktif menggunakan akal fikiran dan kreativiti yang diberi oleh Tuhan untuk terus membuat on a test bed mode, dengan izin, dengan cara percubaan tetapi bukan percubaan buta tuli, percubaan berdasarkan maklumat dan pengetahuan yang telah pun kita kumpul berpuluh-puluh tahun dahulu. Jadi saya rasa inilah satu cara yang amat positif yang kita dapat laksanakan segera.

Saya tunjuk contoh sekali lagi. Kalau dalam bidang IT, syarikat akhbar boleh mengeluarkan umpamanya akhbar *Computimes* sebanyak 64 muka, tiap-tiap hari Isnin dan Khamis. Ertinya tiap-tiap minggu masyarakat didedahkan dengan 128 muka surat maklumat mengenai IT oleh *Computimes*. Ini saya beri satu contoh, ada banyak lagi. Mesej saya ialah mengapa tidak dalam satu permasalahan besar Projek Tani ini dikeluarkan 8 muka sebagai permulaan, 12 muka, 16 muka dan sebagainya dan namakan umpamanya *Tekno Tani*, ada canggih sedikit, ada 'teknologi' - pertanian yang berteknologi. Ha, itu dia. Ataupun *Tani Times* kalau hendak hebat cakap bahasa Inggeris ataupun *Mega Tani*. Jadi, pertanian ini hendak kita betulkan persepsi supaya mega - wah, Mega TV, Mega Tani, jadi hebat, adalah imej dan perasaan konfiden kepada masyarakat bila kita hendak bercakap hal tani.

Secara keseluruhannya, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa strategi serampang dua mata ini amat baik, baik kepada orang atasan, baik juga kepada masyarakat di kampung kerana kita hanya bercakap tentang IT yang moden itu. Sekarang orang sudah boleh menyanyi lagu IT, tidak faham IT boleh menyanyi lagu IT, sekurang-kurangnya kita tahu apa benda IT itu. Mengapa tidak kita promosi sama-sama serampang dua mata, seimbang mengenai Mega Tani yang saya sebut tadi. Saya rasa jangan tunggu sampai jawatankuasa duduk berbulan-bulan, teruskan sahaja. Tentulah kita boleh ada benda lain yang sama hebatnya dengan aeroponik yang telah dikeluarkan oleh akhbar mengenai Sime Darby, dengan cara ini masyarakat belajar dan mengetahui.

Saya juga amat jahil dalam bidang pertanian. Saya juga ingin membuka hati saya dan membaca bahan-bahan mengenai pertanian. Insyallah, hari ini bolehlah saya bercakap sedikit apa benda hidroponik, apa benda aeroponik, sebab ini dia saluran yang boleh kita baca yang digalakkan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain yang saya ingin bangkitkan ialah mengenai apa yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan mengenai dana baru untuk industri kecil dan sederhana sebanyak RM1 bilion. Saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan kerana walaupun kita terpaksa potong di sana sini, tetapi RM1 bilion yang diperuntukkan untuk industri kecil dan sederhana adalah satu langkah yang amat bijak dan pintar sekali, kerana pada saya kalau saya pandang dari satu sudut ada satu program lain yang kita namakan program untuk meningkatkan kelas menengah bumiputera. Saya rasa inilah caranya dana yang kita hendak bangkitkan sebagai pengkhususan.

Oleh kerana itu, saya ingin simpulkan perbahasan saya atas tajuk ini dengan kata begini sahajalah. Kita melihat banyak rungutan oleh masyarakat di luar, orang-orang berniaga, IKS khususnya, mengatakan bahawa kadang-kadang syarikat-syarikat yang dianjurkan oleh kerajaan sendiri sama ada di peringkat Persekutuan ataupun di peringkat negeri ingin diwujudkan dan berlumba pula dengan syarikat-syarikat bumiputera. Jadi kata mereka, macam mana hendak ada peluang, susah. Oleh kerana itu, saya ingin simpulkan rumusan ini mengenai keadaan ini dan dengan menyediakan serangkap pantun yang saya tujukan khas kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan Usahawan lebih khusus kerana beliau bertanggungjawab untuk membina usahawan dan mesejnya saya rakamkan dalam pantuan empat kerat yang berbunyi begini:

Fokus projek-projek mega dan besar,  
Jangan terlibat sederhana dan kecil;  
Bukalah peluang jadikan dasar,  
Menengah bumiputera tentu berhasil.

Jadi mesej kita ialah kerajaan fokus yang besar, tinggal yang kecil dan medium ini untuk masyarakat bumiputera untuk mewujudkan Industri Kecil dan Sederhana. Itu sahaja yang saya hendak sebut dalam tajuk ini, Tuan Yang di-Pertua.

Akhir sekali, saya ingin menyebut sedikit tentang penubuhan National Economic Action Council (NEAC). Saya rasa ini adalah langkah yang bijak, langkah yang pintar untuk melibatkan lagi masyarakat untuk menghadapi masalah ini. Pada saya ini adalah badan yang tertinggi sekali untuk memikirkan tentang masalah-masalah ekonomi dan mencari jalan penyelesaian. Kalau yang saya sebut tadi juga dibuat, kalau ada penyelesaian (solution) yang dibuat pula oleh NEAC bersama-sama dengan

kerajaan, swasta dan rakyat biasa, insya-Allah, ini akan berjaya kerana yang ditunjukkan oleh NEAC ini adalah semuanya kena dengan rakyat kerana rakyat dalam 10 point yang telah diumumkan, yang terkena kepada rakyat sangat ialah, satu, sebarkan maklumat. Ini relevan.

Saya sudah sebutkan tadi, rakyat hendaklah didedahkan dengan maklumat cara betul, kena tolong dia sedikit, bukan hendak spoon feed tetapi hendak tolong. Keseluruhan masyarakat berkehendakkan kesenangan (convenient) mendapat maklumat. Kita bertanggungjawab untuk menyenangkan maklumat yang relevan sampai kepada masyarakat. Keduanya, kurangkan wastage dan kawal inflasi. Macam mana dia hendak kurangkan wastage kalau dia tidak faham sebenarnya mengapa dia patut buat begitu. Bagaimana dia hendak kurangkan inflasi kalau dia tidak faham benar-benar apa benda inflasi, aku hendak buat apa yang sebenarnya yang akan menolong membantu mengurangkan inflasi. Jadi, kalau carta-carta yang baik dengan warna-warninya dimasukkan, dengan angka-angka yang baik, umpamanya diberi free dalam akhbar-akhbar seperti saya sebut tadi, insya-Allah, masyarakat keseluruhannya akan dapat mengikuti sebenar apa yang diusahakan oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai swasta pula kita selalu bercakap yang ditunjukkan oleh council ini ialah menaikkan produktiviti, menaikkan kualiti dan juga mengurangkan kos. Mereka akan memikirkan mereka senantiasa berbuat begini, tidak ada yang baru. Oleh kerana itu, kita di peringkat yang berkuasa ini mesti menghidupkan ini sebagai satu perkara yang baru, mesti cari angle yang baru, sebab produktiviti tinggi, kualiti tinggi, dia kata dia sudah buat selalu, hendak kurang kos, memang aku hendak kurangkan kos kerana hendak mendapat untung banyak. Oleh kerana itu, kalau kita hendak menggerakkan swasta untuk sama-sama terlibat dalam program besar ini supaya kita melihat masalah ekonomi yang besar ini sebagai satu peluang (opportunity) untuk kita mencabar diri kita sendiri menggunakan akal fikiran bagi mendapatkan penyelesaian-penyelesaian yang baik, pada saya adalah baik. Kalau pada peringkat swasta pula, di samping kita mengajak dia, kita juga memberi insentif, tidak semestinya insentif melalui budget sahaja. Bila saya kata 'insentif', insentif tentang pengiktirafan, insentif tentang penonjolan bahawa mereka adalah warga korporat yang baik dan bertanggungjawab. Saya rasa kalau kita selitkan ini pihak swasta akan lebih rela dan lebih berlumba-lumba untuk mengambil bahagian menyelesaikan masalah-masalah yang kita hadapi bersama.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang tersebut. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Tan Ek Huat.

**4.13 ptg.**

**Tuan Tan Ek Huat:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang untuk saya membahas dan menyokong Belanjawan 1998. Ini adalah kali pertama, saya orang baru, saya berucap di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya cukup sokong Belanjawan Pakej I dan Pakej II yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan negara kita. Pakej belanjawan yang pertama ini sudah cukup pahit. Pakej kewangan yang kedua adalah lebih drastik, lebih memerangsangkan walaupun lebih pahit dengan pemotongan 18% daripada pakej I. Saya sokong dengan sepenuhnya pakej II itu kerana pengurangan dalam pakej II ini tidak menjejaskan hasrat kerajaan dengan tanggungjawab untuk menjaga kepentingan golongan berpendapatan rendah khasnya dalam sektor-sektor seperti kesihatan, pendidikan dan kebajikan sosial.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh terhadap pendirian kerajaan untuk tidak meminta bantuan daripada Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) yang didampingi dengan pelbagai syarat dan peraturan yang akan menggugat kedaulatan negara kita dan juga disertai dengan peraturan-peraturan yang akan menambahkan beban rakyat tanpa mengambil kira atau mengambil berat keadilan sosial rakyat negara kita ini. Jadi saya ucapkan tahniah dan syabas kerana kita masih boleh bertahan lagi.

Baru-baru ini kita dapat berita jelas dilihat walaupun negara Korea Selatan, negara Thai dan negara Indonesia yang meminta bantuan IMF ini tidak nampak dengan jelas bahawa keadaan ekonomi mereka itu pulih balik, tetapi bagi kita ia masih merosot. Jadi saya hendak puji sekali lagi pendirian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dan juga Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya cukup gembira dan setuju dengan keprihatinan pihak kerajaan dalam cukai import, hanya menaikkan cukai import terhadap kereta yang berkuasa tinggi, yang mewah, yang melebihi 2,000 c.c. dan motosikal yang hanya melebihi 200 c.c. dan van hanya melebihi 1,800 c.c. kerana cukai ini yang dilaksanakan tidak akan memberi kesan yang buruk kepada golongan berpendapatan rendah terutamanya kami orang-orang di kampung.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah berusaha menggalakkan rakyat dan ibu bapa menghantar anak-anak mereka belajar di institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan untuk mengurangkan aliran wang kita keluar ke negara lain. Pihak kerajaan bagi saya seharusnya dengan kerjasama IPT swasta memastikan terdapat tempat yang mencukupi untuk anak-anak kita yang layak untuk belajar di IPT,

tidak kira di IPT tempatan ataupun di IPT swasta. Kita juga harus ingat kita mesti melatih atau mempunyai tenaga pengajar yang mencukupi supaya kalau dengan jumlah tempat yang banyak tetapi tenaga mengajar yang tidak mencukupi, ini akan menjejaskan kualiti pendidikan di IPT negara-negara kita.

Setahu kita pada masa ini banyak IPT tempatan telah menghadapi masalah kekurangan tenaga pengajar seperti profesor dan pensyarah-pensyarah yang mereka ini sedang mencari gaji yang lebih lumayan di sektor-sektor lain, terutamanya sektor perniagaan. Maka saya berharap pihak kerajaan akan mengadakan satu prospektif atau perancangan yang lebih rapi dan terperinci supaya ibu bapa kita dapat tukar sikap mereka yang suka menghantar anak-anak mereka ke negara lain, seterusnya menjadikan Malaysia pusat kecemerlangan pengajian tinggi di rantau ini.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin membangkitkan satu masalah tentang nelayan. Mengikut Kementerian Pertanian, keperluan ikan negara pada masa ini ialah 1.3 juta tan setahun.....

**Datuk Haji Sairin bin Karno:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat minta laluanakah?

**Datuk Haji Sairin bin Karno:** Ya. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya cuma memperbetulkan di mana sebutan kepada Timbalan Yang di-Pertua apabila mempengerusikan, dia mesti disebut “Dato’ Yang di-Pertua”, bukan “Dato’ Timbalan Yang di-Pertua”. Terima kasih.

**Tuan Tan Ek Huat:** Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat - Dato’ Yang di-Pertua. Betul ya? *[Ketawa]*

Keperluan ikan negara pada masa ini mengikut Kementerian Pertanian ialah 1.3 juta tan setahun sedangkan hasil tangkapan sekitar negara ialah 900,000 tan. Negara kita terpaksa mengimport sebanyak 400,000 tan ikan, iaitu 30% daripada keperluan negara kita diimport. Pengimportan ikan adalah sebahagian daripada jumlah import makanan yang bernilai RM10 bilion pada tahun ini. Dalam keadaan ini, kerajaan seharusnya membantu nelayan membesarkan bot-bot mereka yang ada sekarang kepada bot-bot yang lebih besar dari segi kuasa dan juga muatan supaya membolehkan nelayan menangkap ikan di laut dalam iaitu di perairan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) dan perairan antarabangsa untuk meningkatkan hasil tangkapan ikan negara kita selaras dengan kehendak Kementerian Pertanian iaitu menggalakkan penerokaan perairan ZEE dan perairan antarabangsa dengan optimum.

Tetapi masalah yang kita hadapi di Pantai Barat Semenanjung Malaysia ialah selain daripada lesen baru tangkapan ikan dibekukan, nelayan yang ingin menggantikan bot yang lama, yang reput, kepada yang baru tidak dibenarkan untuk membesarkan bot mereka dari segi kuasanya dan muatannya. Maka bagaimana kita dapat meningkatkan penangkapan ikan di Semenanjung Malaysia terutama di Pantai Barat kalau ada had-had ini. Dengan itu, dalam keadaan kemelut ekonomi yang menggalakkan pengurangan barangan import, saya rasa sudah sampai masanya untuk pihak kerajaan terutamanya Jabatan Perikanan mengkaji semula peraturan-peraturan yang mengehadkan kuasa dan muatan bot nelayan yang nampaknya tidak sesuai lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya pagi ini telah diumumkan oleh Timbalan Menteri Pertanian dan juga di dalam surat khabar *Utusan Malaysia* di mana kadar potongan padi telah diturunkan daripada 18% ataupun 18 kg. per 100 kg. iaitu jadi 14%. Bagi pihak kementerian mungkin angka ini atau kadar ini adalah baik, tetapi bagi saya ia tidak mencukupi sebab kita seharusnya kekalkan balik kadar yang lama iaitu di antara 10% hingga 12%. Pagi ini juga saya baca surat khabar, terdapat pengilang-pengilang padi yang bersetuju menaikkan harga padi RM4 bagi 100 kilogram. Kepujian seharusnya diberi kepada pengilang-pengilang padi ini kerana berprihatin tentang masalah-masalah petani-petani sawah ini. Mereka ini telah mengalami masalah dan kesulitan kerana kos pengeluaran yang meningkat begitu tinggi yang menimpa mereka.

Sekian sahaja, saya pohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah.

**4.21 ptg.**

**Puan Hajah Rahaiah binti Baهران:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong satu rang undang-undang yang bernama Akta Perbekalan 1998 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan pada 10 Disember yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh berdasarkan kerana langkah-langkah berani kerajaan menangani masalah ekonomi yang melanda rantau ini amnya dan negara kita khususnya. Langkah berjimat amatlah wajar dilakukan oleh kerajaan dan semua lapisan masyarakat malah kerajaan hendaklah melakukan dengan lebih ketat dan tegas mengawal lebih perbelanjaan dengan mekanisme yang ada pada kerajaan. Amatlah penting semua lapisan masyarakat rakyat Malaysia mengikut arahan dan tunjuk arah yang diberi oleh kerajaan dari masa ke semasa supaya semua kementerian dalam kerajaan haruslah menerima hakikat bahawa zaman ini adalah zaman berjimat, zaman mengurangkan

perbelanjaan, zaman menggunakan segala daya dan usaha untuk mengembalikan kepercayaan, kepercayaan dan keyakinan kita terhadap ekonomi negara dan juga kemampuan negara. Kita semua haruslah menerima hakikat ini dan bersama-sama dengan kerajaan ke arah menstabilkan ekonomi semula.

Langkah mempertingkatkan pengeluaran dan eksport dan mengurangkan import dan penggunaan yang terancang buat semua di Malaysia adalah langkah tradisional yang telah teruji keberkesannya amatlah dialu-alukan dan ditentukan untuk diamalkan oleh semua. Segala insentif dan galakan haruslah diberi oleh kerajaan supaya kesedaran ini diberi kepada tiap-tiap lapisan masyarakat Malaysia melalui kementerian-kementerian yang ada.

Mengubah cara berfikir dan cara berbelanja kenalah disegerakan dan tindakan segera haruslah dijalankan ke arah meningkatkan eksport dan menyekatkan import. Apabila kementerian telah menggariskan dua perkara di atas tadi, jelaslah kepada kita bahawa negara kita ini diterajui oleh pemimpin-pemimpin yang bertanggungjawab dan berupaya untuk membimbing kita semua melalui zaman pancaroba ini dengan jayanya. Oleh itu, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia dan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Malaysia teruskanlah usaha-usaha. Kami rakyat Malaysia sentiasa bersama Dato' Seri berdua bagi melalui zaman cabaran ini sehingga jayanya. Kami percaya dan yakin di atas kepimpinan Dato' Seri berdua.

Tuan Yang di-Pertua, dengan sokongan ini saya ingin memberi pandangan berkenaan dengan beberapa perkara yang dapat kita lakukan bagi terus bersama-sama berusaha menjana keyakinan dan memulihkan keadaan. Kerajaan sendiri sudah pun memulakan langkah-langkah yang berasaskan perkara-perkara yang telah disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan. Sekarang langkah-langkah yang sama perlulah dibuat di peringkat swasta dan juga orang-orang perseorangan. Ini bukanlah mudah dilakukan tetapi semua harus menerima dan mengamalkan walaupun sukar. Kita hendaklah berjimat, tukarkan gaya hidup yang mewah.

Saya ingin mencadangkan satu dua perkara. Pertama, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengalih pandangan kepada Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi kerana kementerian tersebut menjadi pendaftar kepada gerakan koperasi negara. Tabungan di kalangan anggota koperasi terutamanya koperasi di sekolah-sekolah dan koperasi-koperasi yang mempunyai anggota daripada kakitangan sendiri, seperti koperasi kilang, koperasi guru-guru dan koperasi kakitangan kerajaan dan

kakitangan yang lain haruslah menggerakkan program untuk meningkatkan penabungan di dalam koperasi.

Diminta koperasi ini juga membangunkan program galakan menabung dan mengurangkan menawarkan pinjaman sekurang-kurangnya sehingga keadaan pulih kembali dan pinjaman hendaklah dihadkan kepada pembelian barangan terutamanya yang dibuat di dalam negara dan adalah langkah menyekat pinjaman untuk kegunaan barangan-barangan mewah dan juga barangan-barangan import. Ini mungkin mengurangkan keuntungan koperasi-koperasi itu sendiri, tetapi semuanya haruslah berkorban dan ada cara-cara lain memberi perkhidmatan kepada anggota.

Membimbing anggota ke arah pembelian secara kumpulan, memintas orang-orang tengah dan mendidik anggota membeli barangan alternatif yang baik. Sebagai contoh, jika harga ayam masa ini ataupun bahan protein kita sudah begitu meningkat harganya, koperasi boleh menguruskan supaya anggota membeli telur ayam secara kumpulan dengan membeli terus daripada pengeluar supaya dapat dibekalkan kepada anggota mengikut harga yang paling minimum.

Koperasi pengguna yang menjalankan perniagaan barang-barang keperluan harian seperti supermarket dan kedai pengguna hendaklah berusaha untuk mendapatkan bekalan barang dengan harga yang lebih murah dan membeli secara bulk, dengan izin, dan berkumpulan dengan koperasi-koperasi pengguna yang lain dari pembekal-pembekal dan pengusaha tempatan bagi membolehkan mereka menjual barangan dagangan mereka dengan harga yang terus rendah dan mengurangkan keuntungan.

Konsortium koperasi pengguna yang baru ditubuhkan dengan sokongan kuat dari Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi perlulah memainkan peranan untuk mendapatkan bekalan barang-barang yang diperlukan dan koperasi-koperasi pengguna terus dari pengilang. Tuan Yang di-Pertua, membimbing anggota koperasi ke arah pembelian secara kumpulan hendaklah diteruskan.

Diminta juga Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi mengkaji di atas pandangan saya ini dan memberi galakan dan insentif tertentu bagi koperasi-koperasi kredit negara dan koperasi-koperasi pengguna untuk turut menjalankan perkara tersebut. Sebagai contoh, ingin saya cadangkan kepada kementerian jika pada tahun 1997 dahulu diadakan majlis-majlis merayakan Hari 'Q' dan memberi anugerah-anugerah kepada koperasi yang telah berdaya maju, maka pada tahun ini saya cadangkan adakan juga anugerah secara sederhana tetapi biarlah anugerah tersebut berpusatkan kepada sumbangan koperasi ke arah menyelesaikan dan membimbing anggota ke arah mengurangkan perbelanjaan dan menambahkan penabungan ini.



Tuan Yang di-Pertua, sepertimana telah disebut oleh Yang Berhormat Dato' Ghazi tadi berkenaan dengan Kementerian Pertanian yang boleh mengurangkan import negara kerana import barangan makanan yang kita tahu berjumlah RM9 bilion setahun kerana mengeluarkan makanan, saya rasa bukanlah memerlukan kepakaran asing buat kita. Sejak dahulu lagi nenek moyang kita adalah pengeluar bahan-bahan makanan dan jika kita pastikan mutu pengeluaran tersebut supaya pengeluaran dapat di'maximise'kan dengan teknologi baru dan cara-cara pengurangan yang terancang.

Kementerian Pertanian diminta supaya memberi perhatian khusus ke arah pengeluaran asas tani negara kita kerana negara kita subur dan iklim kita amat kondusif untuk pengeluaran hasil tani.

Saya juga menyokong saranan Yang Berhormat sebelum saya tadi, yang menyatakan bahawa kita perlulah mengadakan kempen untuk menghasilkan tanah-tanah kosong yang ada untuk keluarga, tanah yang ada di hadapan dan di belakang rumah kita dengan sayur-sayuran untuk keperluan keluarga bagi menggantikan tananam bunga-bunga dan hiasan yang sedia ada, hinggakan tanaman hasil tani boleh ditanam dalam pasu-pasu bunga juga. Nampaknya cantik, dapat bekalan sayur yang baik dan juga boleh mendatangkan kesihatan bagi keluarga apabila mengerjakan tapak-tapak untuk sayuran tersebut.

Saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan pembangunan tanah terbiar, iaitu pembangunan tanah terbiar kepunyaan kerajaan dan juga orang ramai supaya Kementerian Pertanian secara besar-besaran atau kecil-kecilan hendaklah memulakan program. Jika ini dilakukan, semua tanah terbiar dapat kita uruskan, maka akan meningkatlah produktiviti asas tani kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian di Dewan yang mulia ini kepada peranan KEMAS di bawah Kementerian Luar Bandar.

Daripada data yang ada, kita mengetahui bahawa peserta-peserta yang mengikuti program KEMAS khususnya Pendidikan Kesejahteraan Keluarga seluruh negara adalah berjumlah 145 orang lebih kurang.

Saya mencadangkan supaya Program Kesejahteraan Keluarga ini segeralah dipinda supaya dapat menyelesaikan masalah ini melalui peserta-peserta KEMAS di seluruh negara. Saya mencadangkan KEMAS membuat satu pelan tindakan serta-merta bagi mengemblengkan peserta yang seramai 170,000 tadi di seluruh negara ke arah penjimatan dan cara meningkatkan pengeluaran iaitu pengeluaran bagi menawarkan barangan pilihan ataupun alternatif kepada barangan import. Contohnya sebagai barangan makanan baik sayur ataupun ternakan.

Disarankan Kementerian Pembangunan Luar Bandar mengorak langkah dengan serta-merta mengenalpasti program-program segera ataupun program-program jangka pendek dan jangka panjang bagi tujuan menghadapi dan mengawalkan langkah tertentu dan langkah segera kerana anggaphlah perkara ini sebagai menghadapi bencana negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyarankan kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri negara untuk meneruskan misi perdagangan. Walaupun kini kita harus menyekat rombongan kerajaan keluar negara untuk mencari rakan niaga dan meneruskan perdagangan dengan negara-negara lain, terutamanya memberi perkhidmatan yang baik kepada negara rakan kita dan yang mengimport barangan kita.

Saya juga minta kementerian tersebut untuk meneruskan usaha-usaha mencari pasaran baru, walaupun dengan secara sederhana kerana saya percaya ada kemakmuran selepas kemelesetan dan pasti ada matahari akan menyinar selepas hujan memanjang. Sekian, saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Kamilia binti Ibrahim.

**4.36 ptg.**

**Puan Kamilia binti Ibrahim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 1998 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim tempoh hari.

Tuan Yang di-Pertua, al-Quran telah memberi ingatan dalam Surah Yusuf dan diingatkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim dalam pembentangan Belanjawannya dalam tahun 1995 dan 1997 tentang putaran tujuh tahun kemakmuran dan tujuh tahun kemelesetan. Gambaran al-Quran pasti, yang pentingnya kita mengambil iktibar dan membuat persediaan. Persoalannya, adakah kita telah membuat persediaan, adakah kita sudah menyediakan benteng-benteng untuk kegersangan yang dihadapi dengan sabar dan tabah melalui edaran masa pemulihan?

Tuan Yang di-Pertua, ada dua benteng utama yang dapat menentukan kekukuhan, kekuatan dan kematangan ekonomi negara, yang dapat memberi semangat juang dan berani serta patriotisme untuk menghadapi krisis kewangan dan pasaran modal negara masa ini.

Pertama ialah ketepatan pembuat dasar dan kecekapan sistem pengurusan dan pelaksanaan negara dan juga pihak swasta.

Kedua ialah keberkesanan sistem dan mekanisme, pengawalan dan kawal selia juga penguatkuasaan.

Bahawasanya dalam penetapan dasar, pelaksanaan dan pengurusan serta penguatkuasaan perlu ada kawalan yang cukup keprihatian, ketelusan dan keterbukaan menentang segala jenis rasa kelesaan, kealpaan, korupsi dan juga ciri-ciri kekoncoan, dengan izin 'cronyism'.

Tuan Yang di-Pertua, ketepatan dasar negara dalam perancangan ekonomi dan juga dalam perancangan pelan tindakan telah menunjukkan kejayaan yang tinggi dan kita telah menjadi contoh negara luar. Ini tidak dapat dinafikan. Walau bagaimanapun, pada hemat saya pengurusan dan penguatkuasaannya sama ada dari segi dasar mahupun dari segi perundangan dan juga dari kawal seliaannya masih lagi mempunyai kekurangan dan kelemahan. Contohnya kita lihat sistem perbankan yang wujud, masih kedapatan amalan tidak sihat seperti dengan izin, kick back, cronyism, dengan izin, pinjaman-pinjaman yang tidak wajar, yang tidak mengambilkira atau tidak memberi analisa kepada risiko kepada pinjaman yang diberi. Pinjaman yang tidak produktif dan berbagai yang melemahkan benteng pertahanan ekonomi negara.

Selain daripada ia mengurangkan kecairan wang dan keyakinan kepada sistem perbankan yang ada, kita juga dapati ketiadaan data mengenai hutang-hutang bank di negara ini, yang tidak menjadikan ketelusan yang dapat dilihat

dan menggalakkan spekulasi yang tidak membantu membina keyakinan pelabur dalam dan luar negara.

Saya ingin mencadangkan memandangkan keadaan yang masih wujud, walaupun telah banyak kali dan acapkali diperkatakan bahawa sistem pengurusan terutamanya amalan-amalan (practices) dengan izin, yang dilaksanakan dalam bank dan kawalan bank dikaji semula dan diperkukuhkan agar aktiviti dan transaksi bank dapat benar-benar tulus dan dapat dilihat, bukan sahaja tulus, tetapi dapat dilihat ianya tulus. Yang paling utamanya ialah mewujudkan satu mekanisme pengurusan kawalan dan kawal selia yang mencukupi, terutamanya dari aspek perundangan - perundangan yang sepatutnya lebih lengkap dan cukup sistem penguatkuasaan. Janganlah kita menjadi seperti negara-negara, seperti apa yang berlaku 'Dawa' Bank atau Yamachi yang berlaku di Korea Selatan dan Indonesia, barulah kita hendak mengambil tindakan-tindakan yang serius.

Bank perlu profesional dan dalam keadaan kegawatan ekonomi kini, perlulah mengambil tindakan untuk menjamin kekukuhan sistem kewangan kita dan ianya perlulah tidak mengambil kira kawan atau lawan. Jika ada yang menjadi dengan izin, scapegoat - itu adalah perkara yang terpaksa dilaksanakan. Kita juga perlu jangan teragak-agak meminjam atau mendapatkan wang segera, tidak perlulah kita mengambil daripada IMF, kerana banyak telah diperkatakan oleh rakan dalam Dewan ini bahawa IMF lebih banyak keburukannya dan masih lagi belum dapat dilihat keberkesanannya di negara-negara yang telah mengambil pinjaman IMF. Walaupun kita dapat lihat

di Mexico yang telah menghadapi masalah kewangan telah dapat memberikan satu pemulihan kepada negara tersebut.

Saya rasa lebih adillah kita lihat kepada IMF itu dari perspektif pros and cons, dengan izin bukan hanya daripada yang negatif, walaupun saya secara peribadi juga tidak menganggap IMF itu cara yang paling sesuai. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, kita perlu faham bahawa daya tahan kecairan dengan izin, (liquidity) negara tidak boleh dibendung terlalu lama. Kita tidak boleh menunggu hingga kita 'merudum'.

Kita perlulah bijak mencari kawan yang dapat menolong sebagaimana US membantu mengepam wang kepada Jepun. Kita tidak boleh hanya reaktif, ini adalah satu masalah yang paling besar, iaitu selalunya kita reaktif, tetapi kita perlu proaktif. Bank perlu mengambil tindak-tanduk yang serius dan kerajaan juga perlu memikirkan cara-cara dan positif, mungkin tidak perlu diberitahu kepada kita.

Kita perlu mengambil prinsip dengan izin, 'tightened and tripe', ini telah dilaksanakan di Jepun dan juga negara-negara di Barat seperti Denmark, yang mana telah dapat menunjukkan bahawa dalam keadaan ekonomi yang memaksa, kita terpaksa mengadakan fiscal tightening, dengan izin, agar kita dapat benar-benar mencapai satu tahap sistem kewangan yang lebih mantap. Tentu sekali saya juga ingin menyatakan sokongan kepada apa yang telah dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, bahawa sebenarnya keadaan ini adalah satu keadaan atau ujian yang perlu kita lihat secara positif untuk kita sama-sama mengambil iktibar dan mencari jalan untuk

memantap sistem ekonomi kita, sepertimana juga ianya telah memberikan 13 strategi yang telah dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi contoh yang saya rasa menunjukkan kelemahan dari segi kawal selia dan penguatkuasaan undang-undang ialah dalam pasaran saham. Ini juga adalah salah satu indicator yang menunjukkan keyakinan kita terhadap sistem kewangan negara ini. Dengan jatuhnya harga saham, dengan tidak adanya lagi sumber modal untuk syarikat-syarikat kerana antara 13 langkah yang telah dilancarkan ialah membekukan penyenaian syarikat-syarikat di Bursa Saham. Maka kita dapati bahawa ini telah mewujudkan satu suasana yang tidak membolehkan kita mendapat sumber kewangan dan kita dapati bahawa dengan adanya masalah yang timbul ini Suruhanjaya Sekuriti amat tercabar kerana banyak perkara atau masalah telah timbul. Misalnya baru-baru ini kita dapati masalah mengenai general offer, dengan izin, yang telah dibuat di antara Renong dan UEM. Juga kita dapati banyak masalah tentang membeli balik (over valuation), dengan izin, jualan singkat di mana kita dapati CIMB Sekuriti Sdn. Bhd. dan juga Security Singapore Pvt. Ltd. yang telah didapati bersalah. Tuan Yang di-Pertua, perkara ini sebenarnya menunjukkan ada sesuatu yang tidak kena, ada sesuatu yang sebenarnya kita tidak dapat 'preempt' dengan izin. Maka dengan itu kita dapati, kita menghadapi masalah-masalah ini.

Walaupun kita tidak dapat nafikan bahawa manipulasi dan spekulasi yang dilakukan oleh pelabur luar seperti George Soros, tetapi kalau kita melihat keluar, mencari salah dari luar. Sebenarnya kita juga perlu melihat dari

dalam, di manakah sebenarnya kejanggalan dan pada saya juga kurang kemahiran dan profesionalisme kita, dalam kita mengurus sistem kewangan yang kita ambil ataupun memang kita terpaksa diperangkapkan dalam aspek globalisasi.

Sebenarnya kita perlu mempunyai kepakaran dan kita perlu mempunyai satu keupayaan untuk dapat melihat, dapat meramal masalah-masalah yang dihadapi. Pada saya perkara ini tidak sesulit seperti yang kita jangka, kerana sistem ini adalah satu sistem yang telah diwujudkan oleh pihak Barat dan telah lama diamalkan oleh pihak Barat juga telah banyak dialami oleh negara-negara Barat.

Kita tahu banyak negara Barat, Britain contohnya, telah menghadapi masalah spekulasi juga telah menghadapi kejatuhan ekonomi, sepatutnya kita lebih bersedia dan mempunyai benteng-benteng yang lebih teguh untuk menghadapi masalah ini. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, dalam hal pasaran saham saya juga ingin mencadangkan bahawa mekanisme penguatkuasa dan kawal selia perlulah diberi perhatian yang serius dan kalau boleh kita minta BPR dalam menghadapi masalah-masalah ini memberi fokus kepada sistem kewangan negara, supaya dapat sebenarnya mencari dan mengenalpasti masalah-masalah. Seterusnya membuat kajian dan dapat menyediakan negara, terutamanya sistem kewangan kita di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai mekanisme kawalan ini dan apa yang diperkatakan di bahagian-bahagian atau di sektor swasta, sektor perniagaan, perdagangan ialah ianya bukan setakat kita melihat kepada saham pasaran,



perbankan ‘*per se*’, dengan izin, tetapi ia perlulah meliputi kepada mekanisme kawalan kepada polisi-polisi. Ini bukan sahaja kepada swasta, tetapi juga kerajaan,

struktur organisasi, prosedur, kawal selia, kaji semula (review), dengan izin, penilaian (appraisal). Saya percaya pihak kerajaan ada kawal selia, mekanisme serta kawalan. Tetapi seperti saya katakan tadi, ianya perlulah dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan bahawa kita perlulah mewujudkan unit penyelidikan yang benar-benar berkemahiran dan hendaklah ada satu perancangan terperinci memilih penyelidik yang berpengalaman bukan hanya di peringkat tempatan, tetapi juga perlu ada pengalaman di peringkat antarabangsa.

Kita selalu banyak membaca misalnya dalam majalah *The Economies* selalu terdapat pandangan-pandangan Solomon Brothers, J.V. Morgon, Muddy dan lain-lain. Saya tidak pernah membaca nama-nama dari Malaysia yang merupakan penyelidik-penyelidik yang boleh diberikan pengiktirafan dalam majalah-majalah antarabangsa. Mungkin itu boleh kita gunakan sebagai kayu ukur bahawa tahap penyelidikan negara masih belum sampai ke tahap antarabangsa dan jikalau begitulah keadaan kita, maka tentu sekalilah dalam kita mengurus sistem kewangan yang melibatkan prinsip-prinsip di peringkat antarabangsa dan melibatkan pemain-pemain di peringkat antarabangsa, tentu sekalilah kita tidak mempunyai kemahirannya.

Tuan Yang di-Pertua, kesimpulan yang dapat saya buat dalam artikulasi dan menganalisa kemelut ekonomi di negara ialah berkisar kepada ilmu

pengetahuan dan maklumat. Yang Berhormat Dato' Ghazi sering berkata tentang IT, tetapi sebenarnya adakah negara ini telah mencapai satu peringkat IT yang sebenarnya sehingga boleh kita mengatakan bahawa kita adalah negara yang bermaklumat, yang relevan, bukan bermaklumat dari Internet dengan trash, dengan izin yang sepatutnya kita tidak perolehi.

Kita perlu mempunyai maklumat dan keupayaan untuk dapat menggunakan maklumat untuk dipindah menjadi tindakan pengurusan sama ada pengawalan dan sebagainya, sama ada untuk menangani isu yang dihadapi ataupun untuk dapat meramal keadaan masa depan.

Tuan Yang di-Pertua, kita kata ilmu ialah kuasa (knowledge is power), dengan izin. Sekarang kita terpaksa mengiktiraf ilmu adalah wang, knowledge is money dan peluang (opportunity), tanpa ilmu atau maklumat yang cukup, kegersangan akan melanggar kita.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita masih perlu menghadapi sistem pendidikan, kebocoran soalan, keciciran pelajar sepertimana yang kita baca dalam akhbar, kekurangan tempat belajar, kegawatan guru yang tidak bermotivasi, ketidakpastian kurikulum yang asyik berubah dan pelbagai lagi. Makanan yang tidak cukup, kalau kita berbincang mengenai makanan yang cukup, pihak Kementerian Pertanian agak tersinggung kerana alasan-alasan yang telah diberi, tetapi saya melahirkan rasa tidak puas hati kerana Kementerian Pertanian sepatutnya telah banyak memberi penumpuan. Walaupun ada alasan tidak ekonomik, tetapi ianya perlu memberikan

penumpuan supaya dapat menafikan bahawa ketidakekonomian itu adalah tidak benar.

Sepatutnya kita ada, Universiti Pertanian sekarang sudah ditukar menjadi universiti untuk teknologi, di manakah letaknya Kementerian Pertanian? Kita masih lagi perlu menghadapi masalah sosial, penyelewengan dan korupsi di peringkat bawah dan atas. Korupsi ini saya ingin menyebut.....

**Tuan Haji Abu Bakar bin Ismail:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail minta laluan.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Saya ingin mendapat penjelasan berkenaan dengan Universiti Pertanian tadi ditukar kepada universiti apa?

**Puan Kamalia binti Ibrahim :** Universiti Putra. Ianya termasuk di bawah MSC. Jadi, saya rasa kita masih banyak kepincangan, perundangan yang selalu diubah secara *ad-hoc*. Kalau tidak silap saya, kita ada 6 bil, 6 rang undang-undang yang akan dibentang, yang akan berkisar kepada sistem kewangan, sama ada Suruhanjaya Sekuriti, perbankan dan sebagainya. Ini menunjukkan bahawa dalam kita menggubal undang-undang pun kita tidak memberikan keprihatinan yang cukup.

Saya tahu mungkin ada yang akan mengatakan bahawa undang-undang itu 'grow' atau akan berubah mengikut keadaan masa. Tetapi ia tidak sepatutnya berubah sebegitu banyak, kadang-kadang pindaannya begitu banyak dan perlu ada satu tindakan yang lebih profesional. Kita juga tidak dapat

memberi petunjuk kewangan di pasar dalaman dan luaran, kekurangan penyelidikan pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, pada saya untuk kita menghadapi alaf 21, dalam kita melihat keadaan-keadaan yang saya sebutkan tadi dan juga keadaan-keadaan dan cadangan-cadangan yang disebutkan oleh rakan-rakan saya yang lain, saya berpendapat bahawa perlu adanya satu pemikiran semula (rethinking), dengan izin, dan tindakan segera agar kita perlu melihat kepada satu 'paradigm shift', sebab dalam alaf 20 kita banyak bercakap tentang, dengan izin, paradigm shift. Saya berpendapat sekarang apa yang dikata tentang 'paradigm' perlulah dilihat sebagai satu perubahan.

Tuan Yang di-Pertua, pasti sekali perubahan perlu berlaku, perubahan perlu dibuat. Dua elemen penting yang saya rasa untuk dapat kita mencapai ketepatan dasar, kecekapan pengurusan dan keberkesanan kuatkuasa ialah seperti yang saya sebut tadi ilmu dan amanah, tanpa ilmu dan maklumat ada amanah, kita tidak ada kecekapan yang dituntut. Begitu juga tanpa amanah ilmu tidak dapat dipergunakan dengan sepenuhnya, dengan penuh tanggungjawab.

Untuk persediaan yang lebih lengkap, saya ingin mencadangkan secara jangka panjang dan secara jangka pendek. Pertamanya perkara atau isu yang saya tekankan tadi ialah mengenai kawal selia dan penguatkuasaan.

Kita perlulah mewujudkan unit penguatkuasaan perundangan dan kawal selia negara induk yang perlu diberi kuasa, penguatkuasaan undang-undang kawal selia peraturan-peraturan yang tidak terhad kepada kes-kes yang hanya

disabitkan di mahkamah, tetapi mempunyai kuasa, penguatkuasaan perundangan yang bersifat dengan izin, preventive, keupayaan mewujudkan badan penguatkuasa sukarela dan dapat mengawal selia serta dapat menguatkuasa segala jenis apa yang dikatakan atau dijadikan kesalahan di bawah perundangan dan peraturan yang ada.

Perlulah kita membuat penyelidikan dan pembangunan dalam perundangan dan peruntukan, kerana sekarang penguatkuasaan perundangan dan peraturan bukan hanya terhadap kepada negara, tetapi ianya lebih meluas ke peringkat antarabangsa. Tanpa kita mempunyai maklumat, tanpa kita mempunyai ilmu yang mencukupi, saya kawatir kita akan gagal dan kita akan menjadi lemah kerana kita tidak mempunyai benteng yang kuat untuk berhadapan dengan masalah-masalah yang begitu kompleks, apatah lagi dengan WTO, APEC, liberalisation, dengan izin deregularisation, globalisation tidak ada sempadan. Kalau kita tidak mempunyai ilmunya, kita tidak mempunyai kekuatan, benteng yang kukuh, kita tidak mempunyai kuasa kawal selia yang kuat, kita tidak mempunyai penguatkuasaan undang-undang yang mantap, kita akan berhadapan dengan masalah dan kita tidak mahu lagi secara *ad-hoc* kita mengubah, meminda undang-undang ini. Tentu sekali kajian perlu dibuat, metodologi undang-undang, falsalah undang-undang dan perkara-perkara yang berkaitan dengan undang-undang.

Saya percaya sekarang ini, apabila kita menggubal undang-undang kita ada expert peguam-peguam di Jabatan Peguam Negara, mereka mempunyai kemahiran undang-undang atau guaman. Mungkin penggubalan, tetapi dari

segi subjeknya, seperti Tuan Yang di-Pertua dan saya serta peguam-peguam tahu, bahawa disiplin kita ialah perundangan. Tetapi kita mungkin tidak memahami subjek yang hendak dijadikan perundangan. Justeru itu perlu ada satu badan penyelidikan yang mantap, yang merupakan satu jawatankuasa ataupun majlis (council) yang dianggotai oleh experts, dengan izin untuk sama-sama berganding bahu, berganding tenaga dan pemikiran serta intelek untuk kita dapat satu undang-undang yang benar-benar berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, ada lagi dua-tiga-empat perkara yang saya ingin cadangkan, iaitu saya juga ingin mencadangkan satu penyelidikan, kajian serta strategi, ekonomi, kewangan dan pasaran khusus untuk masalah ekonomi, kewangan dan pasaran. Mungkin ISIS ada business council, dengan izin, tetapi mungkin perlu kita perluaskan, kita tambah lagi ahli-ahlinya, kita berikan insentif-insentif yang lebih. Tidak semestinya insentif kewangan, sebab saya percaya ramai di antara penyelidik-penyelidik kita lebih mementingkan apa yang dapat dicapai daripada apa yang ianya dapat ganjaran kewangan. Mungkin perlu kita wujudkan pusat penyelidikan untuk ekonomi, kewangan, pasaran ini secara virtual, dengan izin, mungkin pertama kali dibuat di dunia. Tetapi saya percaya itu tidak menjadi mustahil dengan adanya MSC, dengan izin.

Saya juga ingin mencadangkan BERNAMA dipertingkatkan, diperluaskan peranannya. Ia perlu menjadi satu institusi lagi sekali virtual dengan menggunakan IT, untuk menjadi satu tempat pemerosesan maklumat dan juga satu institusi untuk menyampaikan maklumat-maklumat.

Saya percaya banyak langkah keadaan ekonomi sepertimana yang dibangkitkan oleh rakan saya Yang Berhormat Dato' Ghazi tadi. Rakyat semua tertanya-tanya apakah kesan kemelut ekonomi kini kepada mereka? Kita tidak mempunyai flyers, dengan izin ataupun satu berita rasmi yang tiap-tiap hari dikeluarkan untuk mengatakan apakah tindakan yang boleh diambil. Bagaimanakah boleh diambil, dihantar kepada sekolah-sekolah, diberi kepada TV setiap hari untuk memberi satu pengkhususan satu subject matter, dengan izin supaya rakyat faham dan dapat menghayati serta dapat menyedari dan tidak memarahkan kerajaan, kerana bukannya salah kerajaan. Kalau Dato' Seri Anwar bin Ibrahim kata banyak masalah, pengedar-pengedar kereta mempunyai masalah sebab bank tidak ada duit hendak beri pinjaman untuk penjualan kereta. Penanam sayur menghadapi masalah kerana baja naik harganya, jadi semua ini perlu diberi faham, apakah alternatif dan apakah yang perlu dibuat? Apakah kita sekarang tidak perlu minyak sebagai sebahagian daripada diet, dengan izin? Mungkin sekarang kita lebih baik rebus sayur daripada mengoreng sayur, lebih baik rebus pisang daripada goreng pisang dan sebagainya. Tetapi maklumat-maklumat ini tidak sampai sebab kita tidak mempunyai agensi secara rasmi, secara khusus dan secara fokus.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan untuk secara keseluruhannya melihat kepada masa hadapan, satu institusi generasi masa depan diwujudkan untuk melihat kepada apakah nasib generasi masa depan dari aspek pembangunan intelek, akhlak, teknologi, sosial, agama, moral, kekeluargaan, environment, teknologi makanan dan berbagai lagi.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin banyak institusi yang saya cadangkan, tetapi saya ingin menekankan bahawa maklumat yang tepat adalah sangat penting. Saya pernah berada di Tokyo dalam satu conference antarabangsa untuk Ahli-ahli Parlimen Asia, di mana saya dapati pembentang kertas kerja dari Jepun membentangkan satu kertas kerja mengenai air minuman yang bersih. Begitu panjang lebar dengan cukup penyelidikan.

Kalau di sini kita bertanya menteri, dia tidak dapat memberi jaminan kepada kita minuman air itu bersih dan selamat kerana katanya rondaan bukan di bawah kementeriannya. Saya agak terkejut kalau begitulah keadaannya, balik ini terpaksa fikir-fikir sebelum hendak minum air. Jadi, kalau maklumat penyelidikan yang begitu terperinci boleh dibuat mengenai air, kita tentu takjub dengan kejayaan Jepun, mengapa Jepun begitu maju, mengapa Jepun dapat menangani masalah, mengapa Jepun mempunyai benteng yang kukuh - itulah yang saya sebutkan tadi. Ilmu bukan sahaja kuasa, tetapi wang dan juga opportunity, mungkin juga kita boleh tambah penjamin kepada masa depan. Mungkin kita kurang mempunyai penyelidikan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin mencadangkan INTAN dipertingkatkan supaya menjadi satu badan bukan hanya untuk perkembangan pendidikan, pembangunan dan sebagainya untuk kerajaan dan pegawai kerajaan, tetapi juga ianya perlu dibuka kepada pihak swasta supaya swasta dan kerajaan mempunyai satu tempat untuk ianya dapat bertemu dan dapat ianya membincangkan ketepatan dasar dan pelaksanaan serta perancangan.



Mungkin EPU perlu diberi bidang kuasa lebih luas untuk mempercepatkan pelaksanaan perancangan kerajaan yang dibuat oleh EPU.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu saya menyokong Rang Undang-undang yang telah dikemukakan oleh Dato' Seri Anwar bin Ibrahim dan kita perlu ingat bahawa dengan kecekapan, kebijaksanaan dan kemampuan memperolehi maklumat dan bertindak cepat serta tepat dalam penguatkuasaan kita, kita akan selamat. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Charern Intachat.

**5.05 ptg.**

**Tuan Charern Intachat:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memberi sedikit pandangan dalam membahaskan Rang Undang-undang yang dinamakan Akta Perbekalan 1998.

Saya menyokong langkah kerajaan untuk memotong perbelanjaan dan mengambil daya usaha untuk mengurangkan jurang pelaburan tabungan termasuk menangguhkan beberapa projek mega seperti Bakun. Kita juga mendapat jaminan daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bahawa program-program seperti pembangunan desa dan pembasmian kemiskinan akan dikekalkan dan diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam lawatan saya ke perkampungan orang Siam di Utara Semenanjung, masih terdapat kampung-kampung yang tidak ada bekalan elektrik dan jalan yang sempurna. Permohonan-permohonan telah pun dibuat melalui Pengerusi JKKK yang berkenaan dan saya sangat berharap Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang diberi peruntukan di bawah

Maksud B.48 sebanyak RM322,454,400 dapat memberi tumpuan dan membantu rakyat dari kaum Siam di kawasan-kawasan luar bandar itu.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang ingin saya bangkitkan di dalam perbahasan ini ialah di bawah Maksud B.31 - Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja yang diberi peruntukan sebanyak RM284,546,900. Jabatan Kastam dan Eksais Diraja ialah satu jabatan penting kerana jabatan ini telah diberi tanggungjawab bagi memungut cukai tidak langsung atau indirect taxes, dengan izin, seperti cukai kastam, cukai perkhidmatan dan eksais serta cukai jualan.

Dengan mengurangkan peruntukan sebanyak 18 per cent lagi saya rasa jabatan ini akan menghadapi masalah bagi perbelanjaan mengurus dengan pembukaan Kompleks Kastam baru di Gelang Patah, Johor, apabila laluan di antara Singapura-Johor Bahru yang kedua dibuka tahun hadapan. Sebagai langkah yang boleh menjimatkan perbelanjaan jabatan ini, saya berpendapat beberapa buah bot ronda laut jabatan ini harus dilupuskan. Setahu saya bot-bot yang sudah lama dan usang tidak dapat digunakan dengan sempurna kerana kerap rosak. Kos untuk menyelenggara membaiki bot-bot ronda jabatan adalah tinggi, memakan belanja hampir RM9 juta setahun. Bot-bot yang lama ini sekiranya dilupuskan tidak akan memberi kesan kepada tugas-tugas pencegahan kerana bot-bot ini kerap rosak dan tidak terdaya mengejar bot-bot penyeludup. Tugas rondaan laut ini juga boleh diambil alih oleh Jabatan Merin, Polis dan Tentera Laut.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang perbelanjaan jabatan ini untuk Unit Anjing Pengesan Dadah yang saya fikir tidak berkesan, kerana apabila dadah yang diseludup dibalut dan disimpan di tempat yang airtight, dengan izin, atau dibungkus dengan bungkusan yang kedap udara, anjing-anjing ini tidak dapat mengesan dadah tersebut. Di negara ini pula anjing-anjing ini tidak boleh dibawa berdekatan dengan orang Melayu atau Muslim, hampir tidak ada kejayaan kes-kes dadah yang diperolehi daripada anjing-anjing pengesan dadah ini. Begitu juga saya difahamkan dengan Unit Anjing Pengesan Dadah di bawah Jabatan Polis Diraja. Kos untuk memelihara anjing-anjing ini adalah tinggi kerana anjing-anjing ini perlu tempat berhawa dingin, makanan-makanan dan ubat-ubat yang istimewa. Saya rasa lebih baik anjing-anjing pengesan ini digantikan dengan pegawai-pegawai kastam yang terlatih dan jabatan boleh mengurangkan perbelanjaan dan tindakan mencegah penyeludupan dadah boleh ditingkatkan lagi dengan cara yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam keadaan ekonomi sekarang ini, kerajaan perlulah membantu sektor swasta. Dalam hal ini saya ingin menyentuh tentang dua perkara iaitu tindakan yang diambil oleh Jabatan Kastam untuk memungut cukai perkhidmatan mulai tahun hadapan ke atas perkhidmatan pengurusan atau management services, dengan izin, dan menaikkan cukai import, cukai jualan ke atas barang-barang yang dikilang oleh gudang pengilangan berlesen (licence manufacturing warehouse), dengan izin, untuk pemasaran tempatan.

Saya berpendapat bukan masanya untuk kedua-dua langkah ini diambil oleh jabatan tersebut yang akan membebankan syarikat-syarikat swasta dan

kilang-kilang/gudang pengilangan berlesen yang hampir kesemuanya mempunyai pelaburan dari luar negara.

Saya ingin menghuraikan sedikit tentang dua perkara ini. Pertamanya cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan pengurusan, tidak ada definisi yang tepat tentang apakah yang dikatakan perkhidmatan pengurusan. Mungkin Kementerian Kewangan dapat memberi penjelasan kepada kita tentang perkara ini. Syarikat-syarikat swasta akan dikenakan cukai ini dan kos tambahan ini akhirnya akan dipindahkan kepada rakyat. Beban kepada syarikat-syarikat yang besar untuk menjalankan perniagaan di pasaran antarabangsa untuk bersaing dengan syarikat-syarikat lain.

Saya harap Kementerian Kewangan dan kerajaan mengkaji dengan mendalam implikasinya mengenakan cukai perkhidmatan ke atas khidmat pengurusan ini. Mungkin eloknya cukai ini dikenakan apabila sistem percukaian negara ditukar kepada sistem value-added tax, dengan izin seperti yang diamalkan oleh banyak negara lain di dunia ini. Dengan sistem sekarang ini, cukai ini akan ditambah atau dalam bahasa Inggeris, they will be a pyramid of cascading effect.

Yang kedua berkenaan dengan gudang pengilangan berlesen. Tuan Yang di-Pertua, terdapat 1,628 buah gudang pengilangan berlesen ataupun licence manufacturing warehouse di seluruh negara yang dilesenkan oleh Jabatan Kastam dan Eksais Diraja. Kilang-kilang ini dilesenkan atas syarat 80% atau 70% barang-barang pengilangan dieksport dan bakinya dijual di pasaran tempatan, selepas membayar cukai import ke atas komponen bahan

mentah yang diimport. Tetapi sejak beberapa bulan yang lepas ini, kilang-kilang ini dikenakan cukai jualan dan cukai import ke atas barang-barang siap yang dijual di pasaran tempatan dengan tidak diambil kira tentang komponen bahan-bahan mentah tempatan. Dengan tindakan yang diambil oleh Jabatan Kastam ini, kilang-kilang ini tidak dapat menjual barang-barang yang berharga tinggi di pasaran tempatan, kemungkinannya kilang-kilang GPB ini terpaksa ditutup, dengan keadaan ekonomi kita sekarang ini. Oleh yang demikian, Kementerian Kewangan perlulah mengkaji tentang tindakan pihak kastam ini.

Sekianlah sahaja yang saya dapat memberi pandangan dalam usaha kita bersama-sama untuk menghadapi krisis ekonomi sekarang ini. Saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1998. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Tan Swee Hueng.

**5.15 ptg.**

**Tuan Tan Swee Hueng:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih atas peluang keemasan yang diberi ini untuk membahas dan menyokong Belanjawan 1998 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rakan syabas kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim atas pembentangan beliau serta langkah-langkah strategi bagi mengukuhkan kestabilan ekonomi dan kewangan negara, yang walaupun pahit tetapi dialukan oleh rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, masalah-masalah kewangan dan saham yang menyerang negara ini bukan sahaja menghancurkan ekonomi pasaran saham dan pasaran mata wang, akan tetapi yang diserang ialah Thailand dan ia merebak ke negeri kita seterusnya ke Asia Timur. Baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua, Thailand, Indonesia, Korea Selatan telah meminta bantuan daripada IMF.

Tuan Yang di-Pertua, kita memiliki asas-asas ekonomi yang kukuh dan kerajaan yang stabil serta kita masih boleh bertahan dengan serangan ini. Dengan izin, we are not alone in facing this mess, so let us not cried over spilt milk, let's put ourself together and face the challenge for the good of our country.

Tuan Yang di-Pertua, dengan sokongan dan kepercayaan kerajaan daripada rakyat jelata kita pasti dapat mengatasi cabaran ini. Saya merayu kepada tiap-tiap rakyat tenang dan berani walaupun masalah ekonomi yang sedang dihadapi membeban semua kalangan rakyat kita. Saya yakin kerajaan akan mengambil tindakan efektif untuk mengurangkan pikulan kita semua. Langkah-langkah untuk mengurangkan kadar pertumbuhan kepada 4% dan 5% sangat realistik, Tuan Yang di-Pertua.

Mengurangkan perbelanjaan Kerajaan Persekutuan sebanyak 18% bermula dengan pemotongan serta-merta secara menyeluruh sebanyak 10% bagi perbelanjaan mengurus dan pembangunan dan 8% lagi potongan secara terpilih. Atas pemotongan perbelanjaan yang diumumkan di Belanjawan 1998 sangat dialu-alukan dan ini menunjukkan kerajaan serius terhadap krisis ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong penuh keputusan pemotongan gaji menteri dan timbalan menteri serta pegawai kerajaan yang memegang jawatan utama sektor awam, setiausaha politik dan jawatan setarafnya juga dipotong termasuk Senator 3%.

Tuan Yang di-Pertua, potongan ini walaupun bukan banyak sangat, akan tetapi, ini adalah sebagai langkah yang baik untuk menunjukkan kejujuran kerajaan terhadap menyelamatkan ekonomi Malaysia dengan Kepimpinan Melalui Teladan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan syabas kepada kerajaan negeri-kerajaan negeri yang mengikut sama untuk berjimat-cermat. Saya harap semua pihak termasuk SEDCs, agensi-agensi kerajaan dan syarikat yang berkaitan dengan kerajaan akan mengambil langkah-langkah yang sama.

Saya mengesyorkan agensi kerajaan dan syarikat-syarikat berkaitan mengurangkan anggota-anggota pengarah mereka dan anggota-anggota politik, anak syarikat negeri yang saya harap dengan sukarela meletak jawatan sebagai satu langkah untuk berjimat-cermat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan ini merayu kepada sektor awam dan swasta harus mengambil langkah untuk berjimat-cermat bagi meningkatkan dan mengukuhkan kedudukan ekonomi seperti mengurangkan perbelanjaan dan pinjaman.

Syarikat swasta dan korporat mesti meningkatkan produktiviti dan efisiensi mereka. Pada sektor swasta, saya harap krisis ini akan menjadi satu pengajaran untuk semua, dengan izin, Avoid shortcut. They always take too

long, too much of time in the long run. Learn from the mistake of others, you won't live long and not to let them all by yourself. In business today too many executives spend money they haven't earn, they buy things they don't really needs and worst still, they try to impress people they don't even know.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan penangguhan mega seperti Bakun Dam, KL Linear City, Putrajaya Fasa II,Projek Selat Melaka ke Indonesia, lapangan terbang utara dan lain-lain projek mega. Ini akan mengurangkan pinjaman luar dan foreign currency exposure, dengan izin,dan khasnya langkah ini akan memulihkan confidence pelabur asing dan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap juga kerajaan dapat membekalkan lain-lain projek yang tidak akan menyumbangkan kepada meningkatkan ekonomi dan buat sementara ini, negara kita tidak perlu projek mewah. Saya harap pihak-pihak tertentu menimbang dengan teliti mana-mana projek yang akan dilaksanakan baik pun di mana-mana negeri. Saya merayu supaya menangguhkan projek yang tidak akan memberi manfaat kepada rakyat dan negara, buat sementara.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap apa-apa pengumuman atas projek baru atau projek di mana-mana negeri yang akan memberi kesalahfahaman di kalangan pasaran patut dikawal dan dapat kelulusan oleh Jemaah Menteri sebelum diumumkan. Jangan-jangan pada satu hari satu Menteri mengumumkan projek tertentu ditangguhkan dan besok harinya pihak tertentu mengumumkan job listing of contractors telah dibuat mengenai projek tersebut.



Ini patut diberi perhatian dengan serta-merta, kalau kita semua jujur hendak menyelesaikan masalah ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, jangan menjadi hero satu hari dan regret the rest of our life, dengan izin. Ini bukan pendapat saya seorang, tetapi ini ialah the talk of the town.

Saya ingin menyentuh sedikit mengenai perumahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya bercadang untuk membangkitkan sektor pembangunan sekarang. Tiap-tiap kerajaan negeri membina rumah kos rendah dan kos sederhana. Saya yakin di tiap-tiap negeri di seluruh negara kita berpuluh-puluh rakyat perlu rumah kos rendah dan sederhana rendah. Jikalau tiap-tiap negeri membina 10 unit tiap-tiap tahun dan dalam masa empat tahun kita akan dapat membina hampir 400,000-450,000 unit rumah kos rendah atau sederhana rendah dan kita semua tahu akan dijual dengan senang sahaja. Ini akan menandakan satu turnover dari RM12 bilion RM17 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, langkah ini akan memulihkan sektor pembinaan dan ini akan terlibat memulihkan sektor retail dengan change reaction serta-merta. Mengenai inflasi, Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil peluang ini sedikit-sebanyak mengenai masalah kenaikan harga.

Saya merakamkan ribuan terima kasih dan syabas kepada 14,000 pemandu bas sekolah di seluruh Malaysia. Mereka telah mengumumkan mereka tidak akan menaikkan tambang bas sekolah dalam masa dua tahun ini. Tuan Yang di-Pertua, kumpulan ini yang kita semua tahu bukan sangat kaya dan profesion memandu bas sekolah bukan senang, akan tetapi mereka ini

berkorban untuk negara pada masa yang tepat dan saya mengalu-alukan keputusan mereka. Jadi saya mengharapkan kita semua dapat mengikuti kejujuran dan ketaatsetiaan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, pihak PLUS bercadang menaikkan kadar tol pada masa ini. Ini menunjukkan tidak ketanggungjawaban pihak PLUS dan tidak prihatin kepada apa yang telah terjadi di Malaysia seluruhnya.

Tuan Yang di-Pertua, topik menaikkan tol turut menjadi bualan dan perhatian semua lapisan masyarakat. Pengguna yang saya jumpa menyuarakan tidak puas hati atas tindakan PLUS. Pemandu bas dapat menenangkan hati kita supaya mereka tidak akan menaikkan tambang, akan tetapi PLUS yang mendapat faedah daripada Kerajaan Pusat hendak menaikkan tol. Saya mengesyorkan kerajaan mengarahkan PLUS supaya tol tidak akan dinaikkan 2-3 tahun ini. Mereka patut menunjuk, memikul tanggungjawab mereka kepada kerajaan untuk mengatasi krisis kejatuhan nilai wang dan kelemahan pasaran saham.

Saya juga memberi perhatian dalam pemberian konsesi kontrak penswastan mahupun di mana-mana sektor pada masa depan supaya kerajaan dan rakyat jelata tidak dipaksa atau dijadikan mangsa syarikat kontrak. Syarikat penswastan tidak boleh meningkatkan keuntungan diri sendiri sahaja, mereka juga ada tanggungjawab sosial dan sekarang ini mereka patut mengambil kesempatan ini untuk mengurangkan bebanan rakyat. Saya juga berharap projek penswastan dapat ditangguh buat sementara dan mengkaji

semula apa-apa rancangan penswastaan yang akan memberi bebanan kepada rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil kesempatan ini untuk menyentuh masalah pembaziran dan penyelewengan. Baru-baru ini di dalam surat khabar dilaporkan mengenai Sukom, mereka setuju menyewa Mines Convention Centre dengan jumlah sebanyak RM43,000 satu hari dan kalau kita sewa sepuluh hari, Sukom akan berbelanja hampir RM½ juta, akan tetapi Sunway Pyramid membenarkan Sukom memakai 'Pyramid Bowls' dan lain-lain kemudahan dengan percuma.

Membaiki rumah Menteri Besar Selangor dengan nilai RM5 juta adalah lagi satu topik yang hangat dibincangkan di kedai kopi baru-baru ini. Tuan Yang di-Pertua, masalah penyelewengan di FELCRA, baru-baru ini melibatkan berjuta-juta Ringgit oleh Pengarah FELDA Berhad. Peristiwa UEM dan Renong patut menjadi satu ajaran.

Saya harap kerajaan should not leave stone unturned, dengan izin, mengambil tindakan yang tegas atas sesiapa pun yang bertanggungjawab. Mereka ini kita katakan '*harapkan kepada pagar, tetapi pagar makan padi.*' Masalah di hadapan kita sekarang adalah cabaran-cabaran untuk memulihkan kepercayaan rakyat kepada kerajaan dan keyakinan pelabur-pelabur asing dan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap tiap-tiap pemimpin berjaga-jaga menjawat dengan jujur dan bertanggungjawab supaya kita benar-benar boleh mengukuhkan ekonomi dan mengatasi krisis ini. Mereka mesti menjawat

dengan penuh disiplin dan jauhi dari penyelewengan. Janganlah disebabkan sekumpulan kecil ini yang bersalah menjejaskan rancangan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, don't because of a few bad apples, the whole basket get the bad name, dengan izin. Sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya percaya langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan akhirnya akan meyakinkan pelabur asing dan rakyat seluruhnya. Saya harap rakyat Malaysia harus bekerjasama, bersatu padu dan menyokong segala usaha kerajaan supaya kita dapat melepasi masalah krisis sekarang untuk kebaikan rakyat seluruhnya. Dengan izin, is not whether you get knock down, is whether you get up or not. Dengan itu, saya menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tuan Abdillah dari Sarawak.

**5.31 ptg.**

**Tuan Abdillah bin Abdul Rahim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Perbekalan 1998 yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan kita pada 10 Disember 1997. Saya menyokong dengan sepenuhnya rang undang-undang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan Belanjawan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim semasa membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan 1998 beliau telah mengumumkan bahawa kerajaan akan mengurangkan perbelanjaan tetapi ianya tidak akan menjejaskan keperluan ataupun usaha kerajaan untuk membasmi kemiskinan. Ini adalah satu usaha yang baik yang harus kita alu-alukan dan sekali gus mencerminkan keprihatinan kerajaan ke atas keperluan rakyat termiskin dan mereka yang dalam golongan yang tidak bernasib baik. Ini jelas sekali menunjukkan bahawa kerajaan kita adalah satu kerajaan yang berjiwa rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju menyokong usaha kerajaan mengurangkan perbelanjaan. Saya berharap dan saya percaya ianya akan mengajar dan melatih kita supaya tidak boros dan lebih berbelanja dengan berjimat-cermat. Memang telah menjadi lazimnya manusia apabila dalam keadaan mewah mudah terpengaruh untuk berbelanja lebih daripada yang perlu. Maka dengan adanya pengurangan ke atas perbelanjaan negara, saya berharap kita akan terus mengamalkan cara berbelanja yang berjimat cermat dan berbelanja jika perlu dengan bijak walaupun keadaan ekonomi kita kelak sudah pulih kembali.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kalau kita kaji terdapat juga perbelanjaan yang telah diperuntukkan pada tiap-tiap tahun adalah lebih daripada keperluan sebenarnya. Terdapat juga sebagai contoh ada jabatan-jabatan apabila akhir tahun mereka mendapati mereka mempunyai lebih peruntukan dan selalunya membuat, dengan izin, Krismas shopping pada akhir tahun, iaitu seperti mengemas, mengindahkan bilik pejabat dan seterusnya sengaja untuk menghabiskan peruntukan yang sudah diberikan. Saya berpendapat amalan seperti ini sangat memboros, kerana wang yang tidak digunakan untuk benar-benar perlu boleh dibawa ke hadapan untuk kegunaan tahun baru.

Selain daripada itu, terdapat juga, Tuan Yang di-Pertua, anggaran untuk projek-projek pembangunan dibuat lebih besar daripada kos yang sebenarnya. Ini selalunya membelanjakan wang begitu besar kepada kerajaan. Sememangnya usaha kerajaan pada masa ini untuk mempertingkatkan eksport dan mengurangkan import terutama sekali untuk kita mengurangkan akaun semasa kerajaan supaya ianya akan dapat memulihkan kedudukan kewangan kita.

Seterusnya saya ingin menyentuh usaha kerajaan untuk memberi galakan kepada usaha-usaha mengeksport kemudahan-kemudahan untuk eksport dan juga prosedur kastam untuk tujuan eksport di mana ianya telah dipermudahkan lagi. Saya percaya semuanya ini adalah dibuat dengan tujuan untuk mempertingkatkan lagi eksport negara.

Selain daripada itu, saya tertarik dengan usaha kerajaan untuk mengurangkan import terutama sekali ke atas barang makanan. Tahun lepas kita telah mengatakan dalam Dewan yang mulia ini bahawa kita mengimport terlalu banyak barang makanan dan ianya akan menjadi satu masalah bagi kita di masa yang akan datang. Tidak berapa lama hanya setahun sahaja kita sudah mengalami masalah tersebut di mana pada masa ini sudah nampak harga barang-barang makan sudah naik. Misalnya ada khabar angin, ayam hendak naik disebabkan oleh kerana barang makanan untuk ayam ini telah naik. Jadi, sekiranya indikator, ataupun petunjuk-petunjuk yang kita telah mengetahui pada tahun lepas diamalkan dan diambil tindakan dengan serius, dengan izin, untuk membaiki keadaan import kita, saya percaya keadaan yang kita alami sekarang mungkin dapat dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, usaha kita untuk menambah banyak pengeluaran barang makanan sangatlah dialu-alukan. Perkara ini telah berkali-kali disebut dan akhir-akhir ini kita telah mula lagi menghidupkan usaha untuk menanam sayur-sayuran di rumah-rumah. Ini pernah kita amalkan pada satu ketika dengan adanya Buku Hijau. Tetapi apabila negara kita sudah mewah kita lupa dengan masalah yang pernah kita hadapi pada satu ketika, iaitu masalah kekurangan makanan. Jadi, saya

berharap selepas masalah yang kita hadapi pada tahun ini dan mungkin tahun hadapan kita akan dapat belajar daripada masalah ini dan tidak akan mengulangi kesilapan yang telah kita lakukan. Tiap-tiap satu perkara yang kita telah utarakan dalam Dewan ini misalnya ataupun kita telah rancangkan hendaklah kita buat dengan tulus ikhlas dan dengan benar-benar serius, dengan izin, dan jangan hanya bercakap sahaja tetapi apabila keadaan ekonomi sudah pulih dia lupa begitu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa kecewa apabila mendengar jawapan mengatakan bahawa kita terpaksa mengimport setengah-setengah daripada barang makanan kerana ianya lebih murah mengimport daripada mengeluarnya sendiri. Saya berpendapat kalaulah mengeluarkan begitu mahal, adalah baik kita meninjau dan mencari apakah masalah pokok, masalah asas. Jikalau menanam sayur-sayuran ataupun hasil tani baja mahal, kenapa kita tidak usahakan supaya kita dapat mencari ataupun mengeluarkan baja kita sendiri. Memang benar kita ada mengeluarkan baja kita sendiri seperti di Bintulu, dibuat oleh ABF. Tetapi mungkin kita akan dapat mengeluarkan satu baja yang lebih murah supaya pengeluaran hasil petani kita akan dapat bersaing dengan barang-barang yang diimport. Begitu juga dengan hasil makanan ternakan, kenapa kita tidak usahakan pada hal saya percaya kalau kita hendak menyelesaikan satu masalah kita carilah masalah pokok dan kita selesai daripada pangkal pokoknya supaya masalah besar dapat diselesaikan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengalu-alukan usaha kerajaan mengadakan tiga tabung, iaitu tabung amanah bagi golongan miskin, tabung untuk pembangunan untuk rumah kos rendah dan juga tabung untuk pinjaman rumah kos rendah. Negara kita mempunyai banyak orang yang tidak mempunyai rumah, dan dengan adanya tabung ini saya berharap usaha kerajaan untuk mendirikan rumah dan kemudahan kepada mereka akan dapat tercapai. Tetapi ingin saya ingatkan di sini dalam kita melaksanakan projek ini, kerja-kerja penyeliaan hendaklah dibuat rapi. Jangan nanti apabila kita buat rumah itu walaupun kosnya rendah, tetapi dari segi mutu rumah itu mungkin ianya terlalu rendah. Kadangkala rumah itu tidak mempunyai kemudahan yang lengkap seperti api, air dan seterusnya.

Adakala juga orang yang benar-benar perlukan rumah kos rendah tidak dapat, tetapi orang yang berada pula diberi rumah tersebut. Ini kalau kita kaji seluruh negara memang berlaku. Jadi, saya berharap dalam usaha kerajaan untuk memberi kemudahan perumahan kepada golongan termiskin, saya berharap pihak-pihak yang tertentu akan menyelia projek ini dengan rapi, dengan amanah dan jujur.

Seterusnya saya juga ingin mengalu-alukan usaha kerajaan untuk menggalakkan pembangunan industri kecil dan sederhana. Usaha kerajaan memberi bantuan dalam bentuk pinjaman dan seterusnya sangatlah dialu-alukan. Tetapi adalah perlu juga bagi kerajaan memberi maklumat yang terkini mengenai peluang pelaburan kepada mereka dan juga memberi panduan kepada mereka. Maklumlah pengusaha-pengusaha IKS ini tidaklah sehebat seperti pengusaha-pengusaha kilang yang besar, maka mereka perlu diberi bimbingan dan panduan supaya mereka akan dapat maju dan menyumbang kepada kemajuan negara.

Dalam soal ini juga, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan bahawa alhamdulillah, kita bersyukur kepada Allah S.W.T. pada masa ini sudah banyak usahawan bumiputera dapat berdiri atas kaki sendiri. Mereka berusaha dan memberi bekalan ataupun membuat satu projek dengan menggunakan pinjaman daripada bank. Mereka tidak lagi seperti dahulu di mana mereka selalu dikenalkan sebagai Ali Baba. Tetapi yang menyedihkan, pembayaran kepada usaha-usaha mereka selepas mereka membekalkan kepada pihak-pihak tertentu dengan kontrak yang telah dibuat, bayaran dari pihak yang tertentu adalah begitu lama sehingga mereka terpaksa dikepong oleh pihak-pihak bank kerana pihak bank mahu mereka membayar pinjaman tersebut. Apatah lagi dalam keadaan masa ini di mana pihak bank sudah memang serius mengepung sesiapa sahaja yang meminjam wang dan juga sambil itu faedah bank telah begitu tinggi. Jadi, saya berharap pihak yang berkenaan akan membayar pembekal-pembekal ataupun usahawan bumiputera ini tepat pada tempohnya ataupun sekurang-kurangnya kalau lambat pun biarlah dalam satu bulan tetapi jangan sampai enam bulan. Kerana kasihan mereka baru hendak bangun, kita galakkan mereka bangun kemudian kita sendiri 'bunuh' mereka dengan secara tidak langsung.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada negeri Sarawak dan ingin menyentuh beberapa perkara untuk makluman Dewan yang mulia ini. Pertama sekali saya ingin menyentuh mengenai pendidikan. Perkara ini sudah selalu diucapkan oleh rakan-rakan dari Sarawak sebelum ini. Walau bagaimanapun, saya ingin lagi sekali mengambil peluang ini untuk memaklumkan bahawa kami di Sarawak mengucapkan bebanyak terima kasih kepada kerajaan kerana telah memberi bantuan dan kemudahan untuk pendidikan kepada rakyat Malaysia di negeri Sarawak. Walaupun demikian masih ada kekurangan yang mana ingin saya utarakan dalam Dewan yang mulia ini.

Baru-baru ini kami telah membuat satu kajian di mana telah didapati bahawa apa yang kurang dalam kemudahan pendidikan di Sarawak ialah sekolah. Keadaan bangunan sekolah di mana ianya begitu kurang baik dan kurang selamat. Begitu juga dengan keadaan asrama penuntut-penuntut, di mana penuntut-penuntut terpaksa tidur menggunakan dian ataupun lampu minyak dan tidak tidur atas katil tetapi tidur, dengan izin, atas platform. Begitu juga dengan rumah-rumah guru. Kita kasihan melihat guru-guru diam dalam rumah kalau di bandar kita tidak panggil itu rumah. Mungkin kita panggil macam setor ataupun kandang ayam, dengan izin. Walaupun mereka diam dalam rumah yang tidak begitu baik, mereka terpaksa membayar 10% daripada gaji mereka untuk rumah kediaman tersebut. Ini adalah berlaku dalam kawasan-kawasan luar bandar.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, guru-guru di tempat pedalaman tidak mencukupi, terutama sekali guru dalam bidang sains dan matematik. Adakala pernah guru-guru yang mengajar bahasa Inggeris atau mata pelajaran yang lain terpaksa digunakan untuk mengajar mata pelajaran sains dan matematik.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh sedikit mengenai kemudahan kesihatan di negeri Sarawak di mana kita juga mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Pusat kerana telah memberi kemudahan dan bantuan yang begitu banyak. Walaupun demikian, masih ada juga kekurangan terutama sekali dari segi kakitangan jabatan berkenaan. Alhamdulillah, pada masa ini kita sudah mempunyai beberapa hospital besar di Kuching, di bahagian Miri, Sibul dan begitu juga di bahagian yang kecil. Tetapi masalah kekurangan kakitangan masih lagi banyak. Di sini saya telah mendapat satu statistik yang diberi kepada saya di mana jumlah jawatan doktor di Sarawak adalah 592 dan yang diisi hanya 352. Bermakna hanya 59.5% sahaja jawatan doktor di Sarawak dalam jabatan kerajaan diisi.

Dari bilangan 536 jawatan gred tiga pegawai Perubatan yang ada hanya 320 sahaja yang diisi. Bermakna hanya 59.7% sahaja jawatan pegawai Perubatan iaitu doktor yang mengubat, bukannya pegawai Perubatan dalam bidang pakar ataupun pentadbiran, tetapi doktor biasa, hanya 59.7% sahaja yang diisi. Jadi, dengan ini jelas sekali bahawa kita kekurangan tenaga doktor di Sarawak seperti apa yang dapat kita lihat dalam statistik ini di mana pada keseluruhannya di Malaysia kita mempunyai seorang doktor bagi tiap-tiap 2,153 orang rakyat. Manakala di Sarawak kita mempunyai seorang doktor bagi tiap-tiap 4,134 orang rakyat. Ini adalah statistik bagi tahun 1995. Saya berharap usaha akan dapat



kita buat untuk mendapatkan banyak lagi tenaga pegawai Perubatan untuk Jabatan Kesihatan di negeri Sarawak.

Saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1998 yang telah dibentangkan sebelum ini, dan dengan ini saya sudahi ucapan saya dengan salam, wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Beberapa Ahli:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Satu, dua, tiga, empat, lima, enam, tujuh, lapan, sembilan, sepuluh, oh tambah lagi. Kita ada 40 minit sahaja. Kalau saya beri 10 minit seorang ya, saya beri sebelah kanan pula. Yang Berhormat Puan Sri, 10 minit sahaja, kalau kurang lagi bagus.

**5.50 ptg.**

**Puan Sri Sarasa Pasamanickam:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ucap terima kasih kerana telah memberi saya peluang untuk memberi sokongan dan keyakinan kepada Rang Undang-undang Perbekalan 1998 yang dibawa oleh Menteri Kewangan kita Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim pada 10 Disember di Dewan ini. Kerana kesuntukan masa saya akan terus kepada perkara-perkara yang saya ingin sentuh.

Saya rasa pendidikan adalah satu perkara yang mustahak, dan Kementerian Pendidikan dapat peruntukan yang terbesar sekali. Arah tujuan kepimpinan kita ke information technology atau lebih dikenali sebagai era IT adalah satu langkah strategik yang baik bukan sahaja untuk memperbaiki keadaan ekonomi tetapi akan menstabil tahap pembangunan kita. Menurut kebanyakan pelabur besar dalam industri IT seperti Intel, Dell Computer Co., Acer dan lain-lain menunjukkan keyakinan dalam pelaburan IT dalam negara ini dan mereka semua juga percaya kita dapat mengatasi dilema ekonomi ini.

Kebajikan rakyat dan pembangunan negara tidak terganggu atau diabaikan walaupun dalam kekusutan nilai Ringgit Malaysia ini. Peruntukan-peruntukan untuk prasarana-prasarana yang penting masih diberikan untuk memperbaiki mutu hidup rakyat kita. Sebagai contoh dalam penyediaan projek Multimedia Super Corridor dan penyediaan-penyediaan dalam menghadapi Sukan Komanwel.

Tuan Yang di-Pertua, kita perlu mengekalkan keyakinan rakyat Malaysia dan juga rakyat di negara-negara ASEAN dalam sistem pendidikan kita. Tujuan kita untuk mencapai kecemerlangan

dalam mutu pendidikan patut digalakkan. Tetapi pendidikan dari peringkat awal hingga ke peringkat pengajian tinggi perlu dikawal dengan rapi. Kita telah membawa masuk pensyarah-pensyarah asing untuk berkhidmat di institusi-institusi pengajian tinggi. Saya difahamkan bahawa terdapat pensyarah-pensyarah asing yang kurang fasih dalam bahasa Inggeris dan juga kurang berkemahiran mengendalikan alat-alat yang canggih yang terdapat di negara ini. Tidak boleh dinafikan iaitu mutu bahasa Inggeris di kalangan pelajar-pelajar kita telah merosot. Kalau mereka diajar oleh pensyarah-pensyarah asing yang kurang fasih juga dalam bahasa Inggeris, matlamat kita untuk mencapai tahap tinggi dalam IT, sains dan teknologi akan terjejas. Tambah pula kekeliruan dan masalah di kalangan pelajar-pelajar kita.

Rayuan saya kepada Kementerian Pendidikan ialah pertama, nilaikan prestasi pensyarah-pensyarah asing ini setiap tahun. Yang kedua, kalau boleh gantikan atau gunakan tenaga pengajar yang sedia di negara ini dan kajilah kedudukan sekarang. Saya fikir terdapat ramai guru dan pensyarah tempatan yang telah berkelayakan yang juga telah beropsyen atau masih berkhidmat yang boleh diberi kenaikan pangkat dan dipelawa untuk berkhidmat di institusi pengajian tinggi. Pilihlah mereka yang fasih dalam bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Mereka lebih tahu dan faham tentang kelemahan dan kekuatan pelajar-pelajar tempatan. Saya mengalu-alukan keputusan kerajaan untuk menambahkan tempat-tempat di institusi pengajian tinggi dalam negeri.

Tuan Yang di-Pertua, sebaliknya kita juga hendaklah kawal dengan rapi supaya rakyat Malaysia serta di negara-negara ASEAN mempercayai sistem peperiksaan kita. Baru-baru ini ada tuduhan tentang kebocoran kertas soalan SPM dalam pelbagai subjek dan telah ditawarkan untuk calon SPM dengan harga di antara RM1,500 hingga RM5,000. Ini bukan pertama kali kejadian ini berlaku. Pada masa lepas seorang pelayan pejabat didapati bersalah. Soalan saya ialah peperiksaan awam ini adalah satu perkara yang penting. Tidak bolehkah pihak Lembaga Peperiksaan mengawal dengan rapi penyediaan, kesulitan, ketepatan, pencetakan dan pengedaran kertas soalan peperiksaan awam ini. Kalau tidak, semua yang terlibat disyaki dalam hal ini. Adalah tanggungjawab Kementerian Pendidikan untuk mengamalkan nilai-nilai murni yang digesakan oleh pemimpin-pemimpin negara. Pejabat-pejabat Pendidikan Daerah juga yang menjalankan peperiksaan selaras di peringkat daerah perlu mengambil lebih kawalan peperiksaan ini.

Pengurusan peperiksaan - kalau terdapat penyelewengan dalam pengendalian sistem peperiksaan, keyakinan akan merosot. Saya sebagai seorang rakyat Malaysia yang mencintai negara ini merayu supaya Kementerian Pendidikan lebih berwaspada dan menjaga integriti sistem kita. Kita sedia

berkorban pakaian, barang-barang kulit, makanan dan minyak wangi dari luar negeri. Tetapi janganlah kita korbankan nilai-nilai murni dan integriti dalam sistem pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, arah kemajuan industri perumahan mestilah diberi perhatian yang lebih serius kerana lebih banyak rumah kos sederhana dan kos rendah perlu disediakan sebagai memenuhi keperluan asas rakyat daripada menyediakan rumah-rumah mewah yang hanya akan memenuhi keperluan segelintir golongan yang berada sahaja. Keadaan masyarakat yang masih tinggal di rumah-rumah panjang mesti diberi perhatian serius. Mereka sepatutnya tinggal di rumah-rumah ini untuk sementara waktu sahaja, tetapi didapati mereka masih di situ dalam keadaan yang serba kekurangan dan keadaan kurang sihat. Rumah-rumah panjang ini semasa dibina tidak dirancang untuk satu jangka masa panjang.

Oleh sebab itu, kebanyakan sebagai contoh di kawasan seperti Jinjang, Rawang dan sebagainya perlu diberi perhatian. Kos-kos pembinaan juga mestilah dikawal untuk mengawal harga-harga rumah supaya tidak dipergunakan oleh pengusaha-pengusaha industri perumahan untuk menggunakan kemelesetan ekonomi ini sebagai alasan untuk meninggikan kos-kos rumah. Kebanyakan masyarakat yang tinggal di kawasan-kawasan tanah-tanah haram di kawasan bandar utama jika kita kaji dengan teliti adalah kerana tidak mampu membeli rumah dan lagi pun kadar sewa adalah tinggi di bandar-bandar ini. Mereka ini memerlukan rumah yang asas pada kadar sederhana dalam bentuk rumah pangsa, flat atau rumah biasa.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah berjanji akan mengawal kenaikan harga barang-barang sehingga perayaan berlepas. Tetapi saya merayu supaya kementerian mengawal keadaan seterusnya dan juga mengesahkan mana stok baru dan mana stok lama. Kadang-kadang sebelum diumumkan barang-barang sudah naik, over night sudah naik. Tetapi apabila hendak kurangkan, kita belum pernah saya fikir mengalami kekurangan harga barang.

Tuan Yang di-Pertua, pengusaha-pengusaha tempatan juga mesti berusaha untuk memperbaiki kualiti barang-barang keluaran tempatan. Tidak boleh dinafikan terdapat satu perbezaan yang begitu ketara dalam rasa, rupa dan sebagainya seperti rasa coklat tempatan dan coklat luar negara walaupun dibuat untuk syarikat yang sama. Ini mungkin pengusaha-pengusaha tempatan boleh beri lebih tindakan, sikap yang lebih serius untuk mengeluarkan barangan yang bermutu dan berkualiti, jadi rakyat Malaysia akan terus 'support' ataupun menyokong usaha-usaha tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang akhir, pada masa ini menghadapi keadaan ekonomi yang merosot, dan Yang Berhormat Menteri Kewangan telah menggesa rakyat supaya mengurangkan perbelanjaan dan barang-barang import dan mengelakkan pembaziran. Rakyat juga diminta menanam sayur-sayuran sendiri. Saya menyokong cara itu. Tetapi dalam makanan harian di Malaysia, sayur-sayuran nampaknya tidak begitu popular. Apabila kita masak sayur kita campur juga ayam atau udang atau udang kering dan sebagainya. Memandangkan harga ayam, daging, kambing, udang dan sebagainya kita juga tambahkan kos makanan itu. Mungkin kita boleh kaji cara-cara masakan sayur lebih baik, jadi vegetarian lebih baik, ada masa juga kita support. Ada masa bila ada jamuan kerajaan kita ada banyak hidangan, tetapi semua jenis makanan yang bukan sayur. Kalau ada sayur kita campur juga bukan vegetarian lagi. Dari segi agama dan dari segi kesihatan kalau kita tambahkan makanan sayur-sayuran lebih baik. Kita boleh elakkan penyakit-penyakit seperti sakit jantung, tekanan darah dan diabetes. Ini adalah penyakit-penyakit yang berleluasa di negara ini sekarang. Juga kadang-kadang apabila semua ini.....

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Saya ingin mendapat penjelasan daripada rakan saya. Kelaziman sayur-sayur yang sedap kita makan bukanlah sayur tempatan tetapi adalah sayur yang kita import. Bolehkah Yang Berhormat maklumkan apakah sayur tempatan yang sedap kita makan dengan tidak diolah dengan lain-lain jenis makanan.

**Puan Sri Sarasa Pasamanickam:** Saya fikir semua sayur tempatan baik. Yang Berhormat tahu apa sayur-sayur tempatan ini. Jadi, memandangkan keadaan ini saya harap mungkin kerajaan boleh mengeluarkan surat pekeliling kepada semua kementerian tambahlah makanan sayur-sayuran dalam jamuan-jamuan kerajaan.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak Public Bank Berhad yang telah menyumbang diari pengurusan, diari poket dan kalendar kepada Ahli-ahli Dewan Negara dalam keadaan ekonomi yang meleset ini. Nampaknya keadaan Public Bank itu adalah kukuh. [Ketawa] Saya juga ingin merakamkan sokongan kami kepada kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang dikasihi dan kita akan menyokong juga segala langkah-langkah Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk mengatasi krisis kewangan negara ini. Dengan itu, saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1998. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat di belakang. Yang Berhormat kita ada satu lagi Rang Undang-undang Kewangan (No.2) 1997. Sekiranya sebahagian daripada Yang Berhormat tidak dapat

bercakap kali ini, saya harap dapat peluang bercakap pula pada hari apabila kita kemukakan Rang Undang-undang Kewangan (No.2) 1997, itu sebahagian daripada Budget juga.

**6.05 ptg.**

**Tuan Long bin Jidin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya cuba pendekkan, mungkin lima minit. Saya turut mahu membahaskan Akta Perbekalan 1998 mengenai peruntukan perkhidmatan bagi tahun 1998. Saya berterima kasih kepada kerajaan terutamanya kepada perkhidmatan yang terdedah seperti kesihatan, pertanian dan pendidikan yang mana rata-rata keseluruhannya melibatkan rakyat termiskin dan miskin secara total.

Saya lihat juga di bawah Kementerian Pertanian peruntukan juga boleh dikatakan besar. Ini mencerminkan kerajaan amat prihatin kepada golongan berpendapatan rendah terutama golongan petani, penternak dan nelayan. Dalam usaha kerajaan menyelamatkan sebahagian daripada pertukaran wang asing yang melibatkan pengimportan barang-barang makanan, jadi saya mencadangkan penggunaan secara optimum setiap inci tanah perlu ditingkatkan, pengeluaran perhektar tanah bagi ladang sawit seluas 2,615,000 hektar di seluruh negara digunakan bagi menampung aktiviti-aktiviti integrasi seperti ternakan. Jika semua pihak komited termasuk tuan tanah ladang dan kementerian perlu mewujudkan satu dasar di peringkat nasional supaya tanah ini dapat digunakan, saya percaya hampir satu juta ternakan boleh ditenak dalam ladang yang berkenaan. Selepas dua tahun negara kita mampu mengeluarkan lebih kurang 35,714 metrik tan daging daripada setengah, juga ternakan yang layak disembelih, dan ini dapat menyelamatkan hampir separuh pertukaran wang asing yang berlaku kalau dibandingkan dengan apa yang berlaku sekarang ini.

Budaya terhadap menanam tanaman keliling rumah perlu diterapkan sepanjang masa. Ia perlu dilaksanakan di peringkat kanak-kanak lagi dengan subjek sains ataupun teknologi pertanian menjadi mata pelajaran wajib di sekolah-sekolah. Kerajaan tidak menjadikan program Buku Hijau dan penerapan ilmu pertanian di peringkat sekolah sebagai program *ad-hoc* di mana ianya diguna pakai apabila negara dalam keadaan meleset. Aktiviti hiliran agro industri daripada keluaran hasil pertanian merupakan aktiviti yang tidak dilihat sebagai penting, sedangkan ia boleh menyumbang kepada industri yang lebih besar dan kita tidak perlu bergantung sangat kepada negara-negara luar.

Jadi, satu pelan pembangunan industri pertanian perlu dirangka atau dilihat kembali kalau terdapat lompang-lompang yang perlu dimuatkan dengan resepi-resepi pendekatan yang boleh diolah kembali. Kempen kesedaran tentang cita rasa makanan seperti ramai Yang Berhormat nyatakan tadi

diterapkan dengan ilmu pemakanan perlu diadakan di ruang-ruang media massa cetak dan elektronik bagi menyedarkan rakyat betapa pentingnya memakan makanan yang bermutu, bukan terletak kepada jenama, tetapi kepada kandungan dan zat makanan yang banyak terdapat di negara kita. Kalau Tuan Yang di-Pertua hendak tahu, pucuk cemperai lebih baik daripada sayur yang diimport. Kalau media massa sanggup membuka ruang kepada hiburan difokuskan dalam akhbar, banyak....

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada orang minta laluan.

**Tuan Long bin Jidin:** Boleh.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Saya minta laluan sedikit.....supaya Ahli Yang Berhormat mengubah sistem makan makanan negara tempatan.

**Tuan Long bin Jidin:** Saya tidak berapa dengar tadi.

**Tuan Hanipah bin Ahmad:** Yang Berhormat, saya minta laluan supaya minta Yang Berhormat tolong senaraikan lain-lain jenis sayuran yang sesuai untuk dimakan oleh rakyat Malaysia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak petang inilah, lain kalilah. *[Ketawa]* Memang banyak ya.

**Tuan Long bin Jidin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana tolong menjawab bagi pihak saya. Tadi saya menyatakan kalau media masih sanggup membuka ruang kepada hiburan, beberapa ruang di fokuskan dalam akhbar, kenapa tidak mereka juga memberi ruang sedikit untuk kolum pertanian dan pemakanan seperti kata Yang Berhormat Dato' Ghazi, beri penyebaran ilmu kepada rakyat.

Bagi Maksud B.42, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat terdapat satu fenomena di antara kementerian, kerajaan-kerajaan negeri dan masyarakat Orang Asli telah pun bertapak sejak merdeka. Pepatah 'bangau oh bangau' terus berlaku, permasalahan tanah kaum ini dikaitkan dengan tiga sebab. Yang pertama, peruntukan katanya selalu tidak cukup. Masalah permohonan, kerajaan negeri kata tidak pernah mohon. Masalah tenaga manusia, semua jabatan kata tidak cukup masa, tidak cukup tenaga manusia hendak ukur dan sebagainya. Jadi, akibat daripada itu masalah bagi mendapatkan hakmilik, gezet dan penguasaan serta pembangunan tanah oleh agensi pembangunan tanah seperti FELDA dan RISDA seolah-olah terabai hingga sekarang ini.

Satu pertikaian di antara Kerajaan Negeri Johor dengan masyarakat Orang Asli hingga membawa kes ini ke mahkamah dan melibatkan pembayaran melebihi RM24 juta terpaksa ditanggung oleh kerajaan negeri. Adalah lebih adil dan munasabah jika semua pihak prihatin dan memberi

pertimbangan yang sewajarnya supaya kes-kes seperti ini tidak berulang lagi. Jadi, satu pelan pemberian hakmilik yang tersusun atau pembangunan tanah yang terancang di peringkat kementerian yang melibatkan kerajaan-kerajaan negeri perlu difikirkan. Adalah menjadi lebih adil lagi jika kerajaan ingin mendapat pandangan di peringkat tertinggi seorang masyarakat ini perlu dipertimbangkan untuk menduduki di dalam Majlis Tanah Negara supaya dapat menyuarakan dan memberi buah fikiran demi kepentingan kerajaan dan masyarakat tersebut.

Dengan kata-kata itu, saya menyokong Akta Perbekalan 1998.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Yim Chee Chong.

**6.13 ptg.**

**Tuan Yim Chee Chong:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ten minutes.

**Tuan Yim Chee Chong:** Ten minutes tidak cukup. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sepuluh minit cukup.

**Tuan Yim Chee Chong:** Oleh kerana tadi Tuan Yang di-Pertua mengatakan kalau siapa yang tidak dapat peluang cakap dalam Rang Undang-undang Perbekalan 1998 ini boleh berucap dalam Rang Undang-undang Kewangan (No.2) 1997. Mula-mula saya ingin hendak cakap tiga jam. Oleh kerana Ahli-ahli Yang Berhormat ada peluang lagi bercakap dalam rang undang-undang yang lain...

**Tuan Yang di-Pertua:** Pendekkan.

**Tuan Yim Chee Chong:**...jadi saya pendekkanlah. Tetapi macam mana pendek pun saya ingin 30 minit sahajalah, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Oh. *[Ketawa]*

**Tuan Yim Chee Chong:** Oleh kerana ini adalah isu yang penting - jadi Ahli-ahli Yang Berhormat tidak ada halanganlah,

**Beberapa Ahli:** Ya.

**Tuan Yim Chee Chong:** Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, dua minggu lalu saya pulang dari negara China. Saya batuk sudah dua minggu belum sembuh lagi dan doktor nasihatkan saya jangan cakap. Tetapi oleh kerana untuk menyokong kerajaan kita, menyokong Dr. Mahathir, perjuangan yang belum selesai untuk menyokong Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1998, saya hendak cakap. Kalau benarkan, saya cakap tiga jam.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Timbalan Perdana Menteri negara kita, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, pada 10 Disember ini membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan 1998. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita mengumumkan langkah strategi tambahan untuk memulihkan kestabilan ekonomi negara kita dan kewangan negara kita serta mengembalikan keyakinan semula pelabur. Nampaknya setakat ini parti, baik parti yang memerintah mahupun parti pembangkang, rakyat jelata negara kita ini dari semua lapisan, semua kaum nampaknya menyokong penuh pengumuman Timbalan Perdana Menteri kita dalam Dewan yang mulia ini. Saya yakin penuh melalui sokongan dan kepercayaan rakyat jelata kepada Kerajaan Barisan Nasional kita, krisis ekonomi dan krisis kewangan yang dihadapi oleh negara kita ini akan dapat diatasi tidak lama lagi.

Kita harus bersyukur oleh kerana krisis kewangan dan krisis ekonomi yang dihadapi pada hari ini kita mendedahkan ekonomi dan pembangunan negara kita. Ini adalah bermakna ekonomi negara kita ini terus kukuh, ekonomi kita terus stabil, political situation negara kita ini terus stabil. Saya sokong cadangan kerajaan untuk memotong 3% elaun kepada Senator-senator. Saya ingat tidak ada siapa yang object pada keadaan ini. Tambah lagi Tuan Yang di-Pertua, hari ini saya baca paper, di Thailand ahli-ahli Parlimen potong gaji sebanyak 20%. Kita 3% sahaja, harus kita minta tambah lagi, 10% pun tidak mengapa. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, satu isu yang menarik perhatian saya adalah Timbalan Perdana Menteri mengatakan bahawa semua simpanan deposit selamat dan ditahan oleh kerajaan. Ini adalah amat penting, oleh kerana deposit atau wang dalam bank ataupun syarikat finance itu adalah wang rakyat jelata, siang malam bekerja.

**Dr. Yeow Seng Huat:** *[Bangun]*

**Tuan Yim Chee Chong:** Hendak minta apa? Minta laluankah doktor?

**Dr. Yeow Seng Huat:** Saya minta penjelasan. Tadi Yang Berhormat katakan wang simpanan ditahan atau dijamin. Saya hendak tahu ditahan atau dijamin? *[Ketawa]*

**Tuan Yim Chee Chong:** Ditahan bermakna, dipertahankan oleh kerajaan kita supaya wang ataupun deposit yang disimpan dalam bank iaitu dapat selamat ataupun bila mahu ambil balik, pun boleh. Tidak semacam bank-bank di negara lain bila bank sudah tutup wang itu adalah sia-sia sahaja tidak dapat dipulangkan.

**Dr. Yeow Seng Huat:** Saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua...



**Tuan Yang di-Pertua:** Dijamin atau ditahan, cukuplah.

**Dr. Yeow Seng Huat:** Dijamin, bukan ditahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yalah, bolehlah. *[Ketawa]*

**Tuan Yim Chee Chong:** Dipertahankan. *[Ketawa]* Ini lagi kuat daripada dijamin, betul atau tidak, saya bukan guru bahasa. Tetapi saya telah mempelajari bahasa Kebangsaan sudah lama. *[Ketawa]* Tetapi sudah lama tidak belajar. *[Ketawa]* Bila saya menuntut undang-undang, tiap-tiap hari saya baca bahasa Inggeris dalam undang-undang. Saya suka Bahasa Malaysia, oleh kerana Bahasa Malaysia adalah bahasa rasmi yang tunggal di negara kita ini, bahasa Melayu, ini untuk bangsa Melayu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bangsa Malaysia.

**Tuan Yim Chee Chong:** Ini Bahasa Malaysia. Bahasa Malaysia pun bahasa Melayu juga, *[Ketawa]* betul atau tidak?

**Beberapa Ahli:** Betul.

**Tuan Yim Chee Chong:** Terima kasih. Baru-baru ini bulan yang lalu MCA mengatakan Tan Sri Loy sakit di Perancis. Ramai orang Tionghua di seluruh negara dalam cawangan MCA hendak ambil wang, sebab takut wang yang disimpan itu habis. Macam Ahli Yang Berhormat semua, saya tidak ada wang, anak guaman ada banyak wang, semua orang di MBf Seremban hendak ambil wang. Tetapi saya masuk, bukan saya hendak ambil wang, saya beritahu kawan-kawan, kerajaan kita, Bank Negara kita menjamin keselamatan semua pendeposit. Jadi, saya beritahu kawan-kawan, sekarang saya bukan mahu ambil wang, bukan hendak mengeluarkan wang dari MBf, saya hendak masuk wang RM100,000. Betul juga RM100,000 tetapi itu bukan wang saya, sebab saya sebagai seorang lawyer, ini wang anak guaman. Saya beritahu mereka jangan bimbang. Keyakinan kita adalah bukan kepada MBf, tetapi kepada kerajaan kita, kepada Bank Negara kita. Oleh kerana jaminan Bank Negara saya katakan, kalau you punya wang habis cari saya, saya bayar balik. *[Ketawa]* Akhirnya beberapa orang kawan sesudah dengar cakapan saya semua pun sudah balik dan kad nombor mereka pun sudah buang.

Jadi, Timbalan Perdana Menteri kita yang mengatakan semua simpanan deposit itu selamat. Jadi, saya menyeru kepada semua depositor di negara kita ini jangan bimbang, oleh kerana baru-baru ini ada orang yang takut bank tempatan satu hari bankrap ataupun ditutup. Jadi, ada orang keluar wang daripada bank tempatan. Dia ambil wang dan masuk dalam bank luar negeri, seperti Standard Chartered Bank, Hong Kong Bank ataupun OCBC kerana takut. Wang dari bank tempatan keluar dan

masuk kepada bank asing. Jangan bimbang, Tuan Yang di-Pertua, *[Ketawa]* Timbalan Perdana Menteri kita menjamin keselamatannya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tidak ada wang hendak taruh.

**Tuan Yim Chee Chong:** Tidak ada wang. *[Ketawa]* Ini tidak ada wang, Tuan Yang di-Pertua, menunjukkan Tuan Yang di-Pertua ini bersih *[Ketawa]* bila menjadi Menteri Besar dan Speaker negara kita. *[Ketawa]* Cuma ahli politik yang tidak ada wang itu yang saya sokong penuh. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, negara kita ini....

**Datuk Haji Sairin bin Karno:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada orang minta laluan.

**Datuk Haji Sairin bin Karno:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bila Yang Berhormat katakan orang politik tidak ada wang, macam mana mahu jaga rakyat, macam mana mahu buat kerja dan sebagainya sekiranya tidak ada wang?

**Tuan Yim Chee Chong:** Orang politik tidak ada wang, satu sen pun tidak ada dalam poket, bermakna wang ada tetapi tidak banyak. RM3,000 satu bulan ataupun RM4,000 satu bulan untuk nafkah hidup anak-anak dan isteri-isteri. *[Ketawa]* Ada orang masuk politik ada wang banyak, makan suap, rasuah, banyak wang, tetapi ada orang masuk politik tidak ada wang. Macam saya, Tuan Yang di-Pertua, selama 39 tahun di arena politik tetapi tidak ada wang. Bukan kata wang tidak ada, sedikit-sedikit ada dalam poket. Adakah yang lain minta laluan, saya beri. *[Ketawa]* Tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua, selama 16 tahun Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri negara kita, 16 tahun adalah satu masa yang panjang bagi umat manusia. Selama 16 tahun ini Dr. Mahathir siang dan malam berkhidmat untuk negara kita. Dunia kagum tentang pembangunan negara kita begitu pesat. Tan Sri 'Nazari' dilantik menjadi Pengerusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Ini....

**Beberapa Ahli:** Razali.

**Tuan Yim Chee Chong:** Tidak kira apa namanya, dia orang Malaysia yang menjadi Presiden Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Ini adalah hasil kepimpinan Barisan Nasional usaha Dr. Mahathir. Beberapa hari yang lalu saya dengar radio dalam bahasa Mandarin yang mengatakan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu memuji Malaysia terhadap sumbangan Malaysia dalam sosial antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini sesudah Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri, beliau berjaya untuk menamatkan pemberontakan komunis pada tahun 1989. Sejak itu negara kita sekarang ini aman dan damai. Kita ada satu Wawasan 2020, semua bangsa dalam negara kita ini menuju ke arah

Wawasan 2020 agar Malaysia menjadi sebuah negara yang makmur, adil dan bahagia untuk semua bangsa.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang negara kita mempunyai dua isu yang besar. Ini bukan sahaja Malaysia, tetapi negara-negara menghadapi dua masalah, iaitu krisis kewangan, penurunan nilai Ringgit Malaysia dan saham. Pasaran saham turun, ada siapa main saham?

**Seorang Ahli:** Tidak ada wang.

**Tuan Yim Chee Chong:** Tidak ada wang, ini semua orang politik, sedikit-sedikit tidak mengapalah untuk menyokong kerajaan. Krisis kewangan adalah kerana kegiatan spekulator kewangan menjadikan negara kita dan negara-negara ASEAN menghadapi krisis kewangan. George Soros adalah seorang Yahudi. Kita bukan anti orang Yahudi, kita mahu jadi kawan bagi semua orang. Oleh kerana beliau seorang Yahudi, orang Amerika Syarikat mengatakan kita anti Yahudi, ini adalah tidak benar.

Tuan Yang di-Pertua, krisis yang kedua adalah saham turun. Pasaran saham dunia runtuh. Ini semua sudah tahu adalah kerana berikutan kejatuhan volumer saham Asia dengan volumer saham New York menjunam pada paras paling teruk pada 28 Oktober tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, tentang krisis kewangan, kita susah hati tengok Ringgit Malaysia turun dan turun, terutama mahasiswa-mahasiswa kita yang menuntut di UK, di Ireland dan di luar negeri ataupun di Amerika Syarikat. Ada juga oleh kerana turun Ringgit Malaysia mereka tidak sanggup melanjutkan pelajaran. Saya berasa sedih dalam hati saya. Ini siapa yang menjadi sebab perkara demikian? Ini adalah orang-orang - saya tidak berani kata orang Yahudi, George Soros atau tidak. Sejarah akan membuktikan siapa yang melakukan kesalahan ini menyebabkan negara-negara Asia menghadapi krisis kewangan. Bila saya menyebut krisis kewangan, ini adalah satu tajuk yang hebat, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF). Negara-negara di Asia hari ini menghadapi krisis ekonomi. IMF katakan hendak beri bantuan, tetapi yang kita inginkan adalah bantuan yang ikhlas dari hati. Bila seseorang susah, saya bantu Yang Berhormat Tuan Mustafakah atau siapa yang susah kita bantu dengan wang, tidak ada interest tidak mengapa, you ambil dahulu wang, saya tolong, bila ada wang beri balik kepada saya.

Sekarang negara-negara yang menghadapi krisis ekonomi, IMF beri bantuan, itu bukan dikatakan bantuan. Ada syarat-syarat yang tidak adil dan saksama. Kita tengok bulan yang lalu, ini betul saya baca paper, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jam sudah cukup.

**Tuan Yim Chee Chong:** Bolehlah saya sambung esok. Kalau sampai tengah malam pun boleh kalau hendak sambungkan. *[Ketawa]* Jadi, saya minta Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh bercakap sampai malam tetapi semua orang balik. *[Ketawa]*

**Tuan Yim Chee Chong:** Boleh. Biar semua orang boleh balik kalau saya hendak cakap. Tuan Yang di-Pertua, saya minta sambung perbincangan saya pada hari esok.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah lama.

**Tuan Yim Chee Chong:** Bolehkah? Jawapan pun esok juga sesudah ucapan saya. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Orang lain mahu cakap juga.

**Tuan Yim Chee Chong:** Orang lain pun boleh, kita sambung satu hari oleh kerana ini isu yang penting. Kita boleh melanjutkan....

**Tuan Yang di-Pertua:** Budget ada lagi.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon jasa baik pihak kerajaan tolong benarkan sehari lagi kepada ahli Dewan ini untuk mengambil bahagian. Ini penting kerana Rang Undang-undang Kewangan ini berasingan terus. Belanjawan ini sangat penting boleh merangkumi banyak aspek.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yalah. Rang Undang-undang Kewangan (No.2) itu pun boleh.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail:** Tidak boleh, aspek khusus.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh dikatakan sama juga.

**Tuan Yim Chee Chong:** Jadi, saya minta sambung pada hari esoklah, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Lima minit sahaja.

**Tuan Yim Chee Chong:** Saya ingat 15 minitlah, Tuan Yang di-Pertua. Lima minit, saya ingat tidak dapat cakap apalah, 15 minit sampai 30 minitlah kalau boleh. *[Ketawa]* Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Majlis ditangguhkan esok, jam 2.30 petang.

**Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.**

